

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan menganalisis dan menginterpretasikan data berkaitan dengan latar belakang responden serta kesemua soalan kajian. Dapatan kajian disusun mengikut urutan soalan kajian, berdasarkan dimensi model CIPP yang menjadi kerangka model kajian ini. Kaedah deskriptif digunakan untuk menerangkan data dengan meringkaskan data tersebut kepada beberapa set data berdasarkan soalan-soalan kajian yang dijawab. Organisasi ringkasan data ini ditunjukkan dalam bentuk jadual yang mudah difahami.

Oleh itu, dalam bab ini, pengkaji membincangkan analisis deskriptif untuk menjawab Soalan Kajian 1, Soalan Kajian 2, Soalan Kajian 3, Soalan Kajian 5, Soalan Kajian 6 dan Soalan Kajian 7. Sementara itu, analisis kualitatif digunakan untuk menjawab Soalan Kajian 4 dan Soalan Kajian 8. Gambaran tentang latar belakang responden dan analisis serta interpretasi data kajian disusun mengikut urutan soalan kajian dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut di bawah.

4.2 Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan dua kumpulan responden iaitu guru MPV-LN dan murid MPV-LN yang sedang belajar di sekolah menengah biasa. Seramai 42 orang guru MPV-LN menjadi responden dalam kajian ini manakala responden murid MPV-LN pula terdiri daripada 321 orang.

4.2.1 Latar Belakang Guru MPV-LN

Ciri-ciri latar belakang guru MPV-LN yang dikaji ialah jantina, bangsa, umur, kelayakan akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas, pengkhususan, pengalaman mengajar, jawatan yang disandang, status sekolah, jumlah kelas MPV-LN yang diajar, bilangan murid MPV-LN yang diajar, jumlah waktu mengajar keseluruhan, pengalaman mengajar sebagai guru MPV-LN dan bilangan pembantu bengkel MPV-LN yang dimiliki. Analisis data latar belakang responden guru MPV-LN adalah seperti berikut:

Jantina

Jadual 4.1 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut jantina.

Jadual 4.1

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Jantina

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-----------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 25 | 59.5 |
| | Perempuan | 17 | 40.5 |

Berdasarkan Jadual 4.1, hasil kajian menunjukkan guru MPV-LN lelaki adalah sebanyak 59.5% (25) dan guru MPV-LN perempuan adalah sebanyak 40.5% (17). Ini menunjukkan majoriti responden yang mengajar MPV-LN dalam kajian ini ialah guru lelaki.

Bangsa

Jadual 4.2 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut bangsa.

Jadual 4.2

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Bangsa

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-----------|-----------|---------|
| Bangsa | Melayu | 38 | 90.4 |
| | Cina | 2 | 4.8 |
| | India | 1 | 2.4 |
| | Lain-Lain | 1 | 2.4 |

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.2, dapatan kajian menunjukkan majoriti responden guru MPV-LN iaitu sebanyak 90.4% (38) berbangsa Melayu. Guru MPV-LN berbangsa Cina ialah 4.8% (2). Guru MPV-LN berbangsa India pula ialah 2.4% (1) manakala guru MPV-LN berbangsa lain juga 2.4% (1).

Umur

Jadual 4.3 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut umur.

Jadual 4.3

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Umur

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|--------------------------|-----------|---------|
| Umur | Kurang daripada 30 tahun | 5 | 11.9 |
| | Antara 30-39 tahun | 19 | 45.2 |
| | Antara 40-49 tahun | 15 | 35.7 |
| | 50 tahun ke atas | 3 | 7.2 |

Berdasarkan Jadual 4.3, hampir separuh guru MPV-LN iaitu 45.2% (19) daripada seramai 42 orang guru berada dalam lingkungan umur antara 30 hingga 39 tahun. Guru MPV-LN yang berumur antara 40 hingga 49 tahun ialah 35.7% (15) manakala 11.9%

(5) guru MPV-LN berumur kurang daripada 30 tahun. Sementara itu, cuma 7.2% (3) guru MPV-LN berumur 50 tahun ke atas. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini berumur di bawah 50 tahun.

Kelayakan Akademik Tertinggi

Jadual 4.4 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut kelayakan akademik tertinggi.

Jadual 4.4
Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|------------------------------|--------------|-----------|---------|
| Kelayakan akademik tertinggi | Sarjana | 5 | 11.9 |
| | Sarjana Muda | 33 | 78.5 |
| | HSC/STP/STPM | 2 | 4.8 |
| | MCE/SPM | 2 | 4.8 |

Jadual 4.4 menunjukkan majoriti guru MPV-LN merupakan guru siswazah dengan 78.5% (33) dan 11.9% (5) daripada keseluruhan responden masing-masing mempunyai ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. Guru MPV-LN yang mempunyai sijil HSC/STP/STPM ialah 4.8% (2) manakala guru MPV-LN yang mempunyai MCE/SPM juga 4.8% (2).

Kelulusan Ikhtisas

Jadual 4.5 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut kelulusan ikhtisas.

Jadual 4.5

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Kelulusan Ikhtisas

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-------------------------|-----------|---------|
| Kelulusan ikhtisas | Sarjana Muda Pendidikan | 6 | 14.3 |
| | Diploma Pendidikan | 26 | 61.9 |
| | Sijil Perguruan | 10 | 23.8 |

Berdasarkan Jadual 4.5, dari segi kelulusan ikhtisas, majoriti guru MPV-LN iaitu 61.9% (26) mempunyai Diploma Pendidikan, 23.8% (10) memiliki Sijil Perguruan dan 14.3% (6) mempunyai Sarjana Muda Pendidikan.

Pengkhususan

Jadual 4.6 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut pengkhususan.

Jadual 4.6

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Pengkhususan

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|----------------------|-----------|---------|
| Pengkhususan | Kemahiran Hidup | 13 | 31.0 |
| | Sains Pertanian | 8 | 19.0 |
| | Landskap dan Nurseri | 10 | 23.8 |
| | Lain-Lain | 11 | 26.2 |

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.6, dapatan kajian menunjukkan 31.0% (13) guru MPV-LN mempunyai pengkhususan dalam bidang Kemahiran Hidup manakala cuma

23.8% (10) responden guru MPV-LN mempunyai pendidikan secara khusus dalam Landskap dan Nurseri. Sebanyak 19% (8) guru MPV-LN pula mempunyai pengkhususan dalam Sains Pertanian. Sementara itu, 26.2% (11) guru MPV-LN mempunyai pengkhususan dalam bidang lain selain Landskap dan Nurseri (LN), Kemahiran Hidup dan Sains Pertanian. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN tidak mempunyai pendidikan secara khusus dalam bidang Landskap dan Nurseri (LN) dan bergantung kepada kursus-kursus LN yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran untuk memperoleh ilmu dari segi teori dan amali berkaitan dengan bidang LN.

Pengalaman Mengajar Keseluruhan

Jadual 4.7 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut pengalaman mengajar keseluruhan.

Jadual 4.7

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Pengalaman Mengajar Keseluruhan

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|---------------------------------|------------------|-----------|---------|
| Pengalaman mengajar keseluruhan | 1- 5 tahun | 18 | 42.8 |
| | 6-10 tahun | 6 | 14.3 |
| | 11-15 tahun | 6 | 14.3 |
| | 16 tahun ke atas | 12 | 28.6 |

Berdasarkan Jadual 4.7, dari segi pengalaman mengajar, hampir separuh guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan antara 1 hingga 5 tahun iaitu sebanyak 42.8% (18). Ini diikuti oleh 28.6% (12) guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar keseluruhan selama 16 tahun ke atas. Guru MPV-LN yang mempunyai pengalaman mengajar keseluruhan antara 6 hingga 10 tahun ialah 14.3% (6) manakala guru MPV-LN yang mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga

15 tahun juga 14.3% (6). Keadaan ini juga menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN terdiri daripada guru-guru yang sudah mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun.

Jawatan yang disandang Sekarang

Jadual 4.8 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut jawatan yang disandang sekarang.

Jadual 4.8
Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Jawatan yang disandang Sekarang

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|---------------------------------|---------------------|-----------|---------|
| Jawatan yang disandang sekarang | Guru Penolong Kanan | 2 | 4.8 |
| | Ketua Bidang | 2 | 4.8 |
| | Ketua Panitia | 18 | 42.8 |
| | Guru Biasa | 20 | 47.6 |

Jadual 4.8 menunjukkan 47.6% (20) guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini ialah guru biasa manakala guru MPV-LN yang memegang jawatan sebagai Ketua Panitia ialah 42.8% (18). Sementara itu, guru MPV-LN yang menjadi Guru Penolong Kanan ialah 4.8% (2) dan Ketua Bidang ialah 4.8% (2). Ini menunjukkan lebih daripada separuh guru MPV-LN mempunyai tugas pentadbiran tambahan di samping mengajar MPV-LN.

Lokasi Sekolah

Jadual 4.9 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut lokasi sekolah.

Jadual 4.9

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Lokasi Sekolah

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-------------|-----------|---------|
| Lokasi sekolah | Bandar | 11 | 26.2 |
| | Luar Bandar | 31 | 73.8 |

Berdasarkan Jadual 4.9, dari segi lokasi sekolah, didapati 73.8% (31) guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini mengajar di sekolah luar bandar berbanding 26.2% (11) guru MPV-LN yang mengajar di sekolah bandar. Hal ini demikian kerana kebanyakan sekolah yang menawarkan MPV-LN ialah sekolah-sekolah luar bandar.

Jumlah Kelas MPV-LN diajar

Jadual 4.10 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut jumlah kelas MPV-LN diajar.

Jadual 4.10

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Jumlah Kelas MPV-LN diajar

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------|------------|-----------|---------|
| Jumlah kelas MPV-LN diajar | Satu kelas | 23 | 54.8 |
| | Dua kelas | 19 | 45.2 |

Dalam pada itu, berdasarkan Jadual 4.10, dapatan kajian menunjukkan bahawa 54.8% (23) guru MPV-LN mengajar hanya satu kelas MPV-LN manakala 45.2% (19) guru

MPV-LN pula mengajar dua kelas MPV-LN. Ini menunjukkan majoriti guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini mengajar mata pelajaran lain selain MPV-LN .

Bilangan Murid MPV-LN diajar

Jadual 4.11 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut bilangan murid MPV-LN diajar.

Jadual 4.11

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Bilangan Murid MPV-LN diajar

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|------------------------------|--------------------------|-----------|---------|
| Bilangan murid MPV-LN diajar | Kurang daripada 20 orang | 13 | 31.0 |
| | Antara 20 – 25 orang | 10 | 23.8 |
| | Lebih daripada 25 orang | 19 | 45.2 |

Berdasarkan Jadual 4.11, hasil kajian menunjukkan dari segi bilangan murid MPV-LN yang diajar, hampir separuh guru MPV-LN iaitu sebanyak 45.2% (19) daripada 42 orang guru mengajar lebih daripada 25 orang murid manakala 23.8% (10) guru MPV-LN mengajar bilangan murid dalam lingkungan antara 20 hingga 25 orang. Dalam pada itu, 31.0% (13) guru MPV-LN mengajar bilangan murid kurang daripada 20 orang.

Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat sekolah yang mempunyai kelas MPV-LN yang bilangan muridnya kurang daripada 20 orang kerana bilangan murid minima yang dicadangkan untuk satu kelas MPV-LN ialah 20 orang murid.

Jumlah Waktu Mengajar Keseluruhan Seminggu

Jadual 4.12 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut jumlah waktu mengajar keseluruhan seminggu.

Jadual 4.12

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Jumlah Waktu Mengajar Keseluruhan Seminggu

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--|---------------|-----------|---------|
| Jumlah waktu mengajar keseluruhan seminggu | 12 – 18 waktu | 6 | 14.3 |
| | 19 – 24 waktu | 26 | 61.9 |
| | 25 – 28 waktu | 10 | 23.8 |

Dari segi jumlah waktu mengajar keseluruhan seminggu, dapatan kajian berdasarkan Jadual 4.12 menunjukkan majoriti guru MPV-LN iaitu 61.9% (26) mempunyai jumlah waktu mengajar antara 19 hingga 24 waktu dalam seminggu. Seterusnya, 23.8% (10) guru MPV-LN mempunyai jumlah waktu mengajar antara 25 hingga 28 waktu dalam seminggu dan cuma 14.3% (6) guru MPV-LN mengajar kurang daripada 19 waktu iaitu berada di dalam lingkungan 12 – 18 waktu. Ini menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini mengajar lebih daripada 18 waktu dalam seminggu.

Pengalaman Mengajar MPV-LN

Jadual 4.13 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut pengalaman mengajar MPV-LN.

Jadual 4.13

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Pengalaman Mengajar MPV-LN

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------|----------|-----------|---------|
| Pengalaman mengajar MPV-LN | 3 tahun | 8 | 19 |
| | 4 tahun | 3 | 7.1 |
| | 5 tahun | 13 | 31.0 |
| | 6 tahun | 12 | 28.6 |
| | 7 tahun | 6 | 14.3 |

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.13, dapatan kajian menunjukkan dari segi pengalaman mengajar MPV-LN, didapati majoriti guru MPV-LN iaitu 31% (13) mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN selama 5 tahun. Ini diikuti oleh 28.6% (12) guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN selama 6 tahun, 19% (8) guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN selama 3 tahun, 14.3% (6) guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN selama 7 tahun dan 7.1% (3) guru MPV-LN mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN selama 4 tahun.

Bilangan Pembantu Bengkel MPV-LN

Jadual 4.14 berikut menunjukkan taburan responden guru MPV-LN mengikut bilangan pembantu bengkel MPV-LN.

Jadual 4.14

Taburan Responden Guru MPV-LN Mengikut Bilangan Pembantu Bengkel MPV-LN

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|----------------------------------|-----------|-----------|---------|
| Bilangan pembantu bengkel MPV-LN | Tiada | 7 | 16.7 |
| | Berkongsi | 4 | 9.5 |
| | Seorang | 29 | 69.0 |
| | Dua orang | 2 | 4.8 |

Akhirnya, berdasarkan Jadual 4.14 dari segi bilangan pembantu bengkel MPV-LN, dapatan kajian menunjukkan majoriti guru MPV-LN iaitu 69% (29) mendapat perkhidmatan seorang pembantu bengkel. Sementara itu, 16.7% (7) guru MPV-LN pula tidak mendapat perkhidmatan pembantu bengkel, 9.5% (4) guru MPV-LN pula berkongsi pembantu bengkel dan hanya 4.8% (2) guru MPV-LN mendapat perkhidmatan dua orang pembantu bengkel.

4.2.2 Latar Belakang Murid MPV-LN

Ciri-ciri latar belakang murid MPV-LN yang dikaji ialah jantina, bangsa, status sekolah, pencapaian gred dalam Kemahiran Hidup, minat dalam MPV-LN serta mengkaji sama ada sekolah mengendalikan taklimat/ceramah MPV-LN, mengadakan ujian minat/kecenderungan MPV-LN serta meminta kebenaran bertulis ibu/bapa murid MPV-LN. Analisis data latar belakang responden murid MPV-LN adalah seperti berikut:

Jantina

Jadual 4.15 berikut menunjukkan taburan responden murid MPV-LN mengikut jantina.

Jadual 4.15
Taburan Responden Murid MPV-LN Mengikut Jantina

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-----------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 258 | 80.4 |
| | Perempuan | 63 | 19.6 |

Berdasarkan Jadual 4.15, hasil kajian menunjukkan murid MPV-LN lelaki ialah sebanyak 80.4% (258) dan perempuan 19.6% (63). Ini menunjukkan majoriti responden yang mengikuti program MPV-LN dalam kajian ini adalah murid lelaki.

Bangsa

Jadual 4.16 berikut menunjukkan taburan responden murid MPV-LN mengikut bangsa.

Jadual 4.16
Taburan Responden Murid MPV-LN Mengikut Bangsa

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-----------|-----------|---------|
| Bangsa | Melayu | 237 | 73.8 |
| | Cina | 22 | 6.9 |
| | India | 43 | 13.4 |
| | Lain-Lain | 19 | 5.9 |

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.16, dapatan kajian menunjukkan 73.8% (237) daripada responden murid MPV-LN yang mengikuti program MPV-LN adalah berbangsa Melayu. Ini diikuti oleh murid berbangsa India dan Cina masing-masing sebanyak 13.4% (43) dan 6.9% (22). Murid berbangsa lain pula 5.9% (19). Keadaan ini

menggambarkan majoriti murid MPV-LN dalam kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu memandangkan kebanyakan sekolah yang menawarkan program MPV-LN ialah sekolah-sekolah di luar bandar yang majoriti penduduknya terdiri daripada bangsa melayu.

Lokasi Sekolah

Jadual 4.17 berikut menunjukkan taburan responden murid MPV-LN mengikut lokasi sekolah.

Jadual 4.17

Taburan Responden Murid MPV-LN Mengikut Lokasi Sekolah

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|-------------|-----------|---------|
| Lokasi sekolah | Bandar | 92 | 28.7 |
| | Luar Bandar | 229 | 71.3 |

Berdasarkan Jadual 4.17, dari segi lokasi sekolah, seperti dijangkakan, majoriti responden murid MPV-LN iaitu sebanyak 71.3% (229) sedang belajar di sekolah luar bandar berbanding 28.7% (92) yang sedang belajar di sekolah bandar. Hal ini demikian kerana bilangan sekolah luar bandar yang menawarkan program MPV-LN adalah lebih besar daripada bilangan sekolah bandar yang menawarkan program MPV-LN.

Pencapaian (Gred) Kemahiran Hidup di Peringkat PMR

Jadual 4.18 berikut menunjukkan taburan responden murid MPV-LN mengikut pencapaian (gred) Kemahiran Hidup di peringkat PMR .

Jadual 4.18

Taburan Responden Murid MPV-LN Mengikut Pencapaian (Gred) Kemahiran Hidup di Peringkat PMR

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|--|----------|-----------|---------|
| Pencapaian (Gred) Kemahiran Hidup di peringkat PMR | Gred A | 20 | 6.2 |
| | Gred B | 98 | 30.5 |
| | Gred C | 142 | 44.3 |
| | Gred D | 47 | 14.6 |
| | Gred E | 14 | 4.4 |

Jadual 4.18 menunjukkan majoriti responden murid MPV-LN telah mendapat Gred C iaitu 44.3% (142) dalam Kemahiran Hidup di peringkat PMR manakala 30.5% (98) murid MPV-LN telah mendapat Gred B. Ini diikuti oleh 14.6% (47) murid MPV-LN yang telah mencapai sekurang-kurangnya kelulusan minima iaitu Gred D dan 6.2% (20) murid MPV-LN pula mendapat Gred A. Namun begitu, sebanyak 4.4% (14) murid MPV-LN tidak lulus Kemahiran Hidup di peringkat PMR tetapi dibenarkan mengikuti program MPV. Maka, secara amnya, murid-murid MPV-LN mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah.

Minat Pelajar, Pengendalian Taklimat dan Ujian Minat, Kebenaran Bertulis Ibu bapa

Jadual 4.19 berikut menunjukkan taburan responden murid MPV-LN mengikut minat pelajar, pengendalian taklimat dan ujian minat serta mendapat kebenaran bertulis ibu bapa .

Jadual 4.19

Taburan Responden Murid MPV-LN Mengikut Minat Pelajar, Pengendalian Taklimat dan Ujian Minat, Kebenaran Bertulis Ibu bapa

| Ciri-ciri latar belakang | Kategori | Kekerapan | Peratus |
|---|----------|-----------|---------|
| Berminat belajar MPV-LN | Ya | 310 | 96.6 |
| | Tidak | 11 | 3.4 |
| Sekolah ada mengendalikan taklimat/ceramah MPV-LN | Ya | 165 | 51.4 |
| | Tidak | 156 | 48.6 |
| Sekolah ada mengadakan ujian minat/kecenderungan untuk memilih murid MPV-LN | Ya | 104 | 32.4 |
| | Tidak | 217 | 67.6 |
| Sekolah ada meminta kebenaran bertulis ibu/bapa murid MPV-LN | Ya | 122 | 38.0 |
| | Tidak | 199 | 62.0 |

Jadual 4.19 menunjukkan dari segi minat pelajar, didapati hampir semua responden murid MPV-LN iaitu sebanyak 96.6% (310) menyatakan mereka berminat belajar MPV-LN. Sebaliknya, cuma 3.4% (11) responden murid menyatakan bahawa mereka tidak berminat belajar MPV-LN. Seterusnya, dari segi pengendalian taklimat/ceramah MPV-LN oleh sekolah, didapati sebanyak 51.4% (165) responden murid MPV-LN menyatakan bahawa sekolah mereka telah mengendalikan taklimat/ceramah MPV-LN. Namun begitu, hampir separuh responden murid MPV-LN iaitu 48.6% (156) menyatakan bahawa sekolah mereka tidak mengendalikan taklimat/ceramah MPV-LN.

Seterusnya, dari segi ujian minat/kecenderungan, didapati 32.4% (104) responden murid MPV-LN menyatakan bahawa sekolah mereka telah mengadakan

ujian minat/kecenderungan untuk memilih murid MPV-LN. Sementara itu, majoriti responden murid MPV-LN iaitu 67.6% (217) telah menyatakan bahawa sekolah mereka tidak mengadakan ujian minat/kecenderungan untuk memilih murid MPV-LN.

Akhirnya, dari segi kebenaran bertulis ibu/bapa murid MPV-LN, dapatan kajian menunjukkan bahawa 38.0% (122) responden murid MPV-LN menyatakan bahawa sekolah mereka telah meminta kebenaran bertulis ibu/bapa murid MPV-LN manakala, lebih daripada separuh responden murid MPV-LN iaitu 62.0% (199) telah menyatakan bahawa sekolah mereka tidak meminta kebenaran bertulis ibu/bapa murid MPV-LN.

4.3 Penilaian Konteks

Dapatan deskriptif pada bahagian ini difokuskan bagi menjawab soalan kajian 1. Dapatan kajian dilaporkan dengan membincangkan nilai min dan sisihan piawai guru secara deskriptif.

Soalan Kajian 1

Sejauh manakah kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah?

Untuk menjawab soalan kajian 1, seperti dinyatakan di atas, analisis adalah berpandukan kepada Jadual 4.20. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.20

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kursus MPV-LN yang Telah diikuti

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | Min | SP |
|--|-------------|--------------|-------------|--------------|--------------|------|------|----|
| | STM | TM | TP | M | SM | | | |
| Kursus peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran modular MPV-LN (16) | 2.4 (1) | 9.5 (4) | 7.1 (3) | 50.0 (21) | 31.0 (13) | 3.97 | .99 | |
| Kursus peningkatan kemahiran pentaksiran kompetensi MPV-LN (17) | 2.4 (1) | 4.8 (2) | 9.5 (4) | 54.8 (23) | 28.6 (12) | 3.90 | .89 | |
| Kursus pendedahan kurikulum MPV-LN (15) | 2.4 (1) | 11.9 (5) | 2.4 (1) | 59.5 (25) | 23.8 (10) | 3.90 | .98 | |
| Kursus menjaga keselamatan di bengkel MPV-LN (21) | 7.1 (3) | 16.7 (7) | 19.0 (8) | 35.7 (15) | 21.4 (9) | 3.47 | 1.21 | |
| Kursus membuat perancangan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN (22) | 14.3 (6) | 7.1 (3) | 19.0 (8) | 50.0 (21) | 9.5 (4) | 3.33 | 1.20 | |
| Kursus meningkatkan motivasi usahawan (murid MPV-LN) (24) | 14.3 (6) | 14.3 (6) | 19.0 (8) | 38.1 (16) | 14.3 (6) | 3.23 | 1.28 | |
| Kursus menguruskan bengkel MPV-LN (18) | 4.8 (2) | 31.0 (13) | 11.9 (5) | 42.9 (18) | 9.5 (4) | 3.21 | 1.13 | |
| Kursus mengendalikan (menggunakan) peralatan dan mesin MPV-LN (19) | 9.5 (4) | 26.2 (11) | 9.5 (7) | 35.7 (15) | 11.9 (5) | 3.14 | 1.22 | |
| Kursus menyenggarakan (menjaga dan membaiki) peralatan dan mesin MPV-LN (20) | 11.9 (5) | 23.8 (10) | 16.7 (7) | 35.7 (15) | 11.9 (5) | 3.11 | 1.25 | |
| Kursus menguruskan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN (23) | 14.3 (6) | 16.7 (7) | 21.4 (9) | 40.5 (17) | 7.1 (3) | 3.09 | 1.20 | |
| Kursus meningkatkan kemahiran komunikasi murid MPV-LN (25) | 14.3 (6) | 23.8 (10) | 16.7 (7) | 35.7 (15) | 9.5 (4) | 3.02 | 1.25 | |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.41 | 1.15 | |

| | | |
|------|-----|-----------------------------|
| Nota | STM | : Sangat Tidak Memenuhi (1) |
| | TM | : Tidak Memenuhi (2) |
| | TP | : Tidak Pasti (3) |
| | M | : Memenuhi (4) |
| | SM | : Sangat Memenuhi (5) |
| | SP | : Sisihan Piawai |

Jadual 4.20 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap kursus MPV-LN yang telah diikuti. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kursus MPV-LN yang telah diikuti ialah 3.41 dan 1.15. Min menunjukkan secara umumnya,

guru MPV-LN hampir tidak pasti sama ada kursus MPV-LN yang telah diikuti membantu guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.15) yang menunjukkan persepsi guru terhadap keberkesanan kursus MPV-LN yang telah diikuti agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 16 menunjukkan guru MPV-LN bersetuju (min = 3.97; SP = .99) bahawa kursus peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran modular MPV-LN membantu guru dalam melaksanakan program MPV-LN. Responden juga bersetuju bahawa kursus peningkatan kemahiran pentaksiran kompetensi MPV-LN (item 17, min = 3.90; SP = .89) dan kursus pendedahan kurikulum MPV-LN (item 15, min 3.90; SP = .98) adalah berguna. Guru MPV-LN juga bersetuju (item 21; min = 3.47; SP = 1.21) bahawa kursus menjaga keselamatan di bengkel MPV-LN membantu guru dalam melaksanakan program MPV-LN.

Dalam pada itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada kursus-kursus berikut, iaitu kursus membuat perancangan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN (item 22, min 3.33; SP = 1.20); kursus meningkatkan motivasi usahawan (murid MPV-LN) [item 24, min = 3.23; SP = 1.28]; kursus menguruskan bengkel MPV-LN (item 18, min = 3.21; SP = 1.13) dan kursus mengendalikan (menggunakan) peralatan dan mesin MPV-LN (item 19, min = 3.14; SP = 1.22) membantu guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Responden juga tidak pasti sama ada kursus-kursus berikut, iaitu kursus menyenggara (menjaga dan membaiki) peralatan dan mesin MPV-LN (item 20, min = 3.11; SP = 1.25); kursus menguruskan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN (item 23, min = 3.09; SP = 1.20); dan kursus meningkatkan kemahiran komunikasi murid MPV-LN (item 25, min = 3.02; SP = 1.25) membantu guru MPV-LN melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Ketidakpastian guru MPV-LN tentang item-item tersebut wujud mungkin kerana maklumat yang telah disampaikan dalam kursus-kursus tersebut tidak begitu mencukupi memandangkan guru

MV-LN kurang berpengalaman dalam bidang LN. Perlu ingat di sini bahawa cuma sepuluh orang daripada empat puluh dua orang guru (23.8%) [Jadual 4.6] MPV-LN mempunyai pengkhususan dalam bidang Landskap dan Nurseri (LN). Di samping itu, kebanyakan guru iaitu dua puluh empat orang daripada empat puluh dua orang guru (57.1%) [Jadual 4.13] mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN kurang daripada enam tahun.

4.4 Penilaian Input

Dapatan deskriptif pada bahagian ini difokuskan bagi menjawab soalan kajian 2. Dapatan kajian dilaporkan dengan membincangkan pencapaian skor min guru MPV-LN dan murid MPV-LN serta membandingkan nilai purata min guru MPV-LN dan murid MPV-LN secara deskriptif.

Soalan Kajian 2

Sejauh manakah peralatan dan kemudahan bengkel yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN mencukupi, bersesuaian dan berfungsi?

Untuk menjawab soalan ini, analisis kajian dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut: (a) Peralatan MPV-LN dan (b) Kemudahan Bengkel MPV-LN.

a) Peralatan MPV-LN

Analisis bahagian peralatan MPV-LN dalam kajian ini pula dibuat di bawah tiga aspek seperti berikut: (i) Mencukupi, (ii) Bersesuaian, dan (iii) Berfungsi.

Dalam analisis setiap aspek yang tersebut dalam bahagian peralatan MPV-LN ini, persetujuan guru MPV-LN dan murid MPV-LN telah digunakan.

Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Mencukupi’

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ adalah berpandukan kepada Jadual 4.21 dan Jadual 4.22. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.21

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Mencukupi’

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|-------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Peralatan tangan MPV-LN adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (26) | - - | 11.9 (5) | - - | 64.3 (27) | 23.8 (10) | 4.0 | .85 |
| Peralatan mesin MPV-LN adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (27) | - - | 19.0 (8) | 4.8 (2) | 59.5 (25) | 16.7 (7) | 3.73 | .96 |
| Peralatan tangan MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera (28) | 14.3 (6) | 33.3 (14) | 14.3 (6) | 33.3 (14) | 4.8 (2) | 2.80 | 1.19 |
| Peralatan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera (29) | 16.7 (7) | 33.3 (14) | 28.6 (12) | 21.4 (9) | - - | 2.54 | 1.01 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.27 | 1.00 |

| | | |
|------|-----|---------------------------|
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) |
| | TS | : Tidak Setuju (2) |
| | TP | : Tidak Pasti (3) |
| | S | : Setuju (4) |
| | SS | : Sangat Setuju (5) |
| | SP | : Sisihan Piawai |

Jadual 4.21 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ ialah 3.27 dan 1.00. Min menunjukkan secara

umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada peralatan MPV-LN mencukupi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.00$) menunjukkan persepsi guru terhadap peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 26 menunjukkan guru MPV-LN bersetuju ($min = 4.0$; $SP = .85$) bahawa peralatan tangan MPV-LN adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN. Guru MPV-LN juga bersetuju (item 27; $min = 3.73$; $SP = .96$) bahawa peralatan mesin MPV-LN adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN.

Seterusnya, item 28 menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti ($min = 2.80$; $SP = 1.19$) sama ada peralatan tangan MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera. Responden juga tidak pasti (item 29; $min = 2.54$; $SP = 1.01$) sama ada peralatan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera. Ketidakpastian responden terhadap item 28 dan 29 tersebut wujud mungkin kerana urusan perekodan stok berkaitan dengan kerosakan, penyenggaraan, penggantian serta pelupusan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) tidak berjalan dengan lancar.

Jadual 4.22

Persepsi Murid MPV-LN terhadap – Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Mencukupi’

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|--------------|--------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Peralatan tangan adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (9) | 1.2 (4) | 8.7 (28) | 10.3 (33) | 53.3 (171) | 26.5 (85) | 3.95 | .91 |
| Peralatan mesin adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (10) | 21.2 (68) | 21.2 (68) | 20.6 (66) | 22.1 (71) | 15.0 (48) | 3.74 | 1.09 |
| Peralatan tangan MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera (11) | 21.2 (68) | 20.9 (67) | 15.0 (48) | 28.0 (90) | 15.0 (48) | 2.94 | 1.39 |

(Jadual 4.22, sambungan)

| | | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|-------------|---------------|-------------|------|------|
| Peralatan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera (12) | 16.2 (52) | 38.0 (122) | 8.7 (28) | 32.4 (104) | 4.7 (15) | 2.71 | 1.21 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.34 | 1.15 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.22 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ ialah 3.34 dan 1.15. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN juga tidak pasti sama ada peralatan MPV-LN mencukupi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.15$) menunjukkan persepsi murid terhadap peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ agak berbelah bahagi. Secara khususnya, murid MPV-LN, sama seperti guru MPV-LN menyatakan bahawa peralatan tangan MPV-LN (item 9; min = 3.95; $SP = .91$) dan peralatan mesin MPV-LN (item 10; min = 3.74; $SP = 1.09$) adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN.

Sementara itu, murid MPV-LN juga tidak pasti sama ada peralatan tangan MPV-LN (item 11; min = 2.94; $SP = 1.39$) dan peralatan mesin MPV-LN (item 12; min = 2.71; $SP = 1.21$) yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera. Ketidakpastian murid berkaitan dengan item-item tersebut (item 11 dan item 12) wujud mungkin kerana murid tidak terlibat dalam urusan penggantian peralatan tangan dan mesin MPV-LN. Kesimpulannya, memandangkan pencapaian nilai min purata guru MPV-LN dan murid MV-LN adalah 3.27 (Jadual 4.21) dan 3.34 (Jadual 4.22) masing-

masing (berada di antara 2.61 – 3.40), dapatlah dirumuskan bahawa guru dan murid MPV-LN tidak pasti tentang kecukupan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Bersesuaian’

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi ‘bersesuaian’ adalah berpandukan kepada Jadual 4.23 dan Jadual 4.24. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.23

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Bersesuaian’

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|------------|---------------------------|-------------|--------------|-------------|------|-----|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Semua peralatan tangan MPV-LN adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (32) | - - | 7.1 (3) | 7.1 (3) | 69.0 (29) | 16.7 (7) | 3.95 | .73 |
| Semua peralatan tangan MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN (30) | - - | 4.8 (2) | 16.7 (7) | 66.7 (28) | 11.9 (5) | 3.85 | .68 |
| Semua peralatan mesin MPV-LN adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (33) | 2.4 (1) | 11.9 (5) | 4.8 (2) | 71.4 (30) | 9.5 (4) | 3.73 | .88 |
| Semua peralatan mesin MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN (31) | 2.4 (1) | 11.9 (1) | 11.9 (5) | 61.9 (26) | 11.9 (5) | 3.69 | .92 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.81 | .80 |
| Not a | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.23 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi

‘bersesuaian’. Pada keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi ‘bersesuaian’ ialah 3.81 dan .80. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN bersetuju bahawa peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) di sekolah adalah bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 32 menunjukkan guru MPV-LN bersetuju (min = 3.95; SP = .73) bahawa peralatan tangan MPV-LN adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN. Guru MPV-LN juga bersetuju (item 30; min = 3.85; SP = .68) bahawa peralatan tangan MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN. Responden juga bersetuju (item 33; min = 3.73; SP = .88) bahawa peralatan mesin MPV-LN adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN. Seterusnya, guru MPV-LN juga bersetuju (item 31; min = 3.69; SP = .92) bahawa peralatan mesin MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN.

Jadual 4.24

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Peralatan MPV-LN dari Segi ‘Bersesuaian’

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|-------------|--------------|--------------|---------------|---------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Semua peralatan tangan adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN (13) | .9 (3) | 5.6 (18) | 8.4 (27) | 48.6 (156) | 36.4 (117) | 4.14 | .86 |
| Semua peralatan tangan adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (15) | .6 (2) | 5.0 (16) | 13.4 (43) | 46.7 (150) | 34.3 (110) | 4.09 | .85 |
| Semua peralatan mesin adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN (16) | 5.6 (18) | 6.2 (20) | 11.8 (38) | 55.8 (179) | 20.6 (66) | 3.79 | 1.01 |
| Semua peralatan mesin adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN (14) | 6.2 (20) | 10.3 (33) | 5.0 (16) | 61.7 (198) | 16.8 (54) | 3.72 | 1.05 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.93 | .94 |

| | | |
|------|-----|---------------------------|
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) |
| | TS | : Tidak Setuju (2) |
| | TP | : Tidak Pasti (3) |
| | S | : Setuju (4) |
| | SS | : Sangat Setuju (5) |
| | SP | : Sisihan Piawai |

Jadual 4.24 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi 'bersesuaian'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi 'bersesuaian' ialah 3.93 dan .94. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN juga berpendapat bahawa peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) di sekolah adalah bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, murid MPV-LN, sama seperti guru MPV-LN juga bersetuju bahawa peralatan tangan MPV-LN (item 13; min = 4.14; SP = .86) dan peralatan mesin MPV-LN (item 14; min = 3.72; SP = 1.05) adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN. Responden juga bersetuju bahawa peralatan tangan MPV-LN (item 15; min = 4.09; SP = .85) dan peralatan mesin MPV-LN (item 16; min = 3.79; SP = 1.01) adalah bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN. Kesimpulannya, berdasarkan pandangan guru dan murid, peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN serta bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN memandangkan pencapaian nilai min purata guru MPV-LN dan murid MV-LN iaitu 3.81 (Jadual 4.23) dan 3.93 (Jadual 4.24) masing-masing berada di antara 3.41 – 4.20.

Peralatan MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi' adalah berpandukan kepada Jadual 4.25 dan Jadual 4.26. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.25

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Peralatan MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|-------------|---------------------------|-------------|--------------|------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Peralatan MPV-LN boleh digunakan tanpa menghadapi sebarang gangguan (seperti gangguan bekalan elektrik dan lain-lain) [38] | 2.4 (1) | 21.4 (9) | 11.9 (5) | 61.9 (26) | 2.4 (1) | 3.40 | .94 |
| Peralatan tangan MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (36) | 7.1 (3) | 16.7 (7) | 19.0 (8) | 52.4 (22) | 4.8 (2) | 3.30 | 1.04 |
| Peralatan mesin MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (37) | 7.1 (3) | 21.4 (9) | 21.4 (9) | 50.0 (21) | - - | 3.14 | 1.00 |
| Peralatan tangan MPV-LN yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (34) | 7.1 (3) | 33.3 (14) | 19.0 (8) | 38.1 (16) | 2.4 (1) | 2.95 | 1.05 |
| Peralatan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (35) | 14.3 (6) | 31.0 (13) | 21.4 (9) | 28.6 (12) | 4.8 (2) | 2.78 | 1.15 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.11 | 1.04 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.25 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi' ialah 3.11 dan 1.04. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti tentang kefungsiian peralatan MPV-LN yang digunakan di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.04) menunjukkan persepsi guru terhadap kefungsiian peralatan MPV-LN agak berbelah bahagi. Guru MPV-LN tidak pasti tentang item-item berikut, iaitu peralatan MPV-LN boleh digunakan tanpa menghadapi sebarang gangguan (seperti gangguan

bekalan elektrik dan lain-lain) [item 38; min = 3.40; SP = .94]; peralatan tangan MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (item 36; min = 3.30; SP = 1.04); peralatan mesin MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (item 37; min = 3.14; SP = 1.00); peralatan tangan MPV-LN yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (item 34; min = 2.95; SP = 1.05); dan peralatan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (item 35; min = 2.78; SP = 1.15). Ketidakpastian guru MPV-LN tentang kefungsi-an peralatan MPV-LN wujud mungkin kerana aktiviti pembaikan dan penyenggaraan peralatan tangan dan mesin MPV-LN dilakukan sepenuhnya oleh pihak luar atau pembantu bengkel tanpa melibatkan guru MPV-LN.

Jadual 4.26

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Peralatan MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Peralatan MPV-LN boleh digunakan tanpa menghadapi sebarang gangguan (seperti gangguan bekalan elektrik dan lain-lain) [21] | 1.6 (50) | 10.0 (32) | 21.2 (68) | 44.2 (142) | 23.1 (74) | 3.77 | .96 |
| Peralatan mesin MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (20) | 2.5 (8) | 12.1 (39) | 29.0 (93) | 35.2 (113) | 21.2 (68) | 3.60 | 1.02 |
| Peralatan tangan MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (19) | 3.7 (12) | 15.0 (48) | 29.0 (93) | 32.1 (103) | 20.2 (65) | 3.50 | 1.08 |
| Peralatan tangan MPV-LN rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (17) | 22.4 (72) | 17.4 (56) | 17.4 (56) | 32.7 (105) | 10.0 (32) | 2.90 | 1.33 |
| Peralatan mesin MPV-LN rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula (18) | 23.1 (74) | 21.2 (68) | 16.2 (52) | 28.7 (92) | 10.9 (35) | 2.83 | 1.34 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.32 | 1.15 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.26 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi' ialah 3.32 dan 1.15. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN juga tidak pasti tentang kefungsiian peralatan MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.15) menunjukkan persepsi murid tentang kefungsiian peralatan MPV-LN agak berbelah bahagi.

Secara khususnya, item 21 menunjukkan murid MPV-LN bersetuju (min = 3.77; SP = .96) bahawa peralatan MPV-LN boleh digunakan tanpa menghadapi sebarang gangguan (seperti gangguan bekalan elektrik dan lain-lain). Murid MPV-LN juga bersetuju bahawa peralatan mesin MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (item 20; min = 3.60; SP = 1.02). Responden juga bersetuju bahawa peralatan tangan MPV-LN sentiasa disenggara untuk memastikan ia berfungsi setiap masa (item 19; min = 3.50; SP = 1.08). Namun demikian, murid MPV-LN, sama seperti guru MPV-LN tidak pasti sama ada peralatan tangan MPV-LN (item 17; min = 2.90; SP = 1.33) dan peralatan mesin (item 18; min = 2.83; SP = 1.34) yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera supaya ia berfungsi semula.

Ketidakpastian murid MPV-LN tentang item 17 dan 18 wujud mungkin kerana murid tidak terlibat dalam aktiviti pembaikan dan penyenggaraan peralatan tangan dan mesin MPV-LN. Kesimpulannya, berdasarkan pencapaian nilai min purata guru MPV-LN dan murid MV-LN iaitu 3.11 (Jadual 4.25) dan 3.32 (Jadual 4.26) masing-masing berada di antara 2.61 – 3.40, kefungsiian peralatan (peralatan tangan dan mesin) MPV-LN yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN adalah tidak pasti. Keadaan ini mungkin juga berlaku kerana guru serta murid tidak peka atau teliti tentang kefungsiian setiap peralatan tangan dan mesin MPV-LN. Guru MPV-LN mungkin tidak

menjalankan aktiviti pemeriksaan yang teliti terhadap peralatan MPV-LN kerana aktiviti tersebut akan mengambil masa yang lama memandangkan bilangan peralatan yang banyak. Di samping itu, guru MPV-LN mungkin juga tidak memantau aktiviti penyenggaraan dan pembaikan peralatan MPV-LN yang dilakukan oleh pihak luar atau pembantu bengkel.

b) Kemudahan bengkel MPV-LN

Analisis bahagian kemudahan bengkel MPV-LN dalam kajian ini juga dibuat di bawah tiga aspek seperti berikut : (i) Mencukupi, (ii) Bersesuaian, dan (iii) Berfungsi

Dalam analisis setiap aspek yang tersebut dalam bahagian kemudahan bengkel MPV-LN ini, persetujuan guru MPV-LN dan murid MPV-LN telah digunakan. Dalam analisis setiap aspek yang tersebut dalam bahagian kemudahan bengkel MPV-LN ini, persetujuan guru MPV-LN dan murid MPV-LN telah digunakan.

Kemudahan bengkel MPV-LN dari Segi ‘Mencukupi’

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ adalah berpandukan kepada Jadual 4.27 dan Jadual 4.28. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.27

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi ‘Mencukupi’

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|------------|-------------|------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Bengkel MPV-LN cukup pengudaraan (48) | 4.8 (2) | 7.1 (3) | 4.8 (2) | 61.9 (26) | 21.4 (9) | 3.88 | .99 |
| Bekalan air di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (43) | 4.8 (2) | 14.3 (6) | 2.4 (1) | 54.8 (23) | 23.8 (10) | 3.78 | 1.11 |

(Jadual 4.27, sambungan)

| | | | | | | | |
|--|--------------|--------------|------------|--------------|--------------|------|------|
| Bengkel MPV-LN cukup pencahayaan (terang/tidak gelap) [46] | 7.1 (3) | 11.9 (5) | 2.4 (1) | 52.4 (22) | 26.2 (11) | 3.78 | 1.17 |
| Bekalan letrik di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (45) | 9.5 (4) | 9.5 (4) | 4.8 (2) | 52.4 (22) | 23.8 (10) | 3.71 | 1.21 |
| Bilangan paip air di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (44) | 4.8 (2) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 54.8 (23) | 19.0 (8) | 3.64 | 1.14 |
| Meja murid untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (39) | 4.8 (2) | 14.3 (6) | 9.5 (4) | 59.5 (25) | 11.9 (5) | 3.59 | 1.03 |
| Kerusi murid untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (40) | 7.1 (3) | 11.9 (5) | 9.5 (4) | 59.5 (25) | 11.9 (5) | 3.57 | 1.08 |
| Bilangan 'plug point' (punca elektrik) adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (47) | 14.3 (6) | 14.3 (6) | 7.1 (3) | 50.0 (21) | 14.3 (6) | 3.35 | 1.30 |
| Ruang di bengkel MPV-LN adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (52) | 9.5 (4) | 26.2 (11) | 4.8 (2) | 52.4 (22) | 7.1 (3) | 3.21 | 1.20 |
| Ruang di bengkel MPV-LN adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti pentaksiran (53) | 14.3 (6) | 19.0 (8) | 7.1 (3) | 54.8 (23) | 4.8 (2) | 3.16 | 1.22 |
| Bilangan bilik mandi adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (50) | 19.0 (8) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 47.6 (20) | 11.9 (5) | 3.14 | 1.38 |
| Meja kerja untuk menjalankan aktiviti MPV-LN adalah mencukupi (41) | 14.3 (6) | 31.0 (13) | 7.1 (3) | 35.7 (15) | 11.9 (5) | 3.00 | 1.32 |
| Bilangan tandas adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (49) | 26.2 (11) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 42.9 (18) | 9.5 (4) | 2.90 | 1.44 |
| Bilangan bilik penyalinan adalah mencukupi (51) | 26.2 (11) | 26.2 (11) | 4.8 (2) | 35.7 (15) | 7.1 (3) | 2.71 | 1.38 |
| Ruang stor di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (54) | 14.3 (6) | 47.6 (20) | - - | 33.3 (14) | 4.8 (2) | 2.66 | 1.22 |
| Perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (42) | 40.5 (17) | 21.4 (9) | 9.5 (4) | 23.8 (10) | 4.8 (2) | 2.30 | 1.35 |
| Bilangan Guru : 42 | | Purata : | | | | 3.27 | 1.22 |

Nota STS : Sangat Tidak Setuju (1)
 TS : Tidak Setuju (2)
 TP : Tidak Pasti (3)
 S : Setuju (4)
 SS : Sangat Setuju (5)
 SP : Sisihan Piawai

Jadual 4.27 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ ialah 3.27 dan 1.22. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN mencukupi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.22) menunjukkan persepsi guru terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ agak berbelah bahagi. Secara khususnya, guru bersetuju bahawa pengudaraan (item 48; min = 3.88; SP = .99), bekalan air (item 43; min = 3.78; SP = 1.11), pencahayaan (terang/tidak gelap) [item 46; min = 3.78; SP = 1.17], bekalan letrik (item 45; min = 3.71; SP = 1.21) dan bilangan paip air (item 44; min = 3.64; SP = 1.14) di bengkel MPV-LN adalah mencukupi. Responden juga bersetuju bahawa meja murid (item 39; min = 3.59; SP = 1.03) dan kerusi murid (item 40; min = 3.57; SP = 1.08) untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi.

Sementara itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada bilangan ‘*plug point*’ (punca elektrik) [item 47; min = 3.35; SP = 1.30], bilangan bilik mandi (item 50; min = 3.14; SP = 1.38), meja kerja (item 41; min = 3.00; SP = 1.32), bilangan tandas (item 49; min = 2.90; SP = 1.44) dan bilangan bilik penyalinan (item 51; min = 2.71; SP = 1.38) adalah mencukupi. Responden juga tidak pasti sama ada ruang untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (item 52; min = 3.21; SP = 1.20) dan ruang untuk menjalankan aktiviti pentaksiran (item 53; min = 3.16; SP = 1.22) serta ruang stor (item 54; min = 2.66; SP = 1.22) di bengkel MPV-LN adalah mencukupi. Guru tidak pasti dengan kecukupan ‘*plug point*’ (punca elektrik), bilik mandi, meja kerja, tandas, bilik penyalinan, ruang di bengkel serta ruang di stor kerana kemungkinan guru tidak tahu nisbah di antara bilangan atau keluasan kemudahan-kemudahan tersebut dengan jumlah

pelajar yang menggunakannya. Dalam pada itu, guru MPV-LN bersetuju bahawa kemudahan perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah tidak mencukupi (item 42; min = 2.30; SP = 1.35).

Jadual 4.28

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Mencukupi'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|--------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Bengkel MPV-LN cukup pencahayaan (terang/tidak gelap) [29] | 1.6 (5) | 2.8 (9) | 19.6 (63) | 45.8 (147) | 30.2 (97) | 4.00 | .87 |
| Bekalan air di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (26) | 5.0 (16) | 4.7 (15) | 13.4 (43) | 41.1 (132) | 35.8 (115) | 3.98 | 1.06 |
| Bekalan letrik di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (28) | 2.5 (8) | 7.8 (25) | 16.8 (54) | 45.8 (147) | 27.1 (87) | 3.87 | .98 |
| Bengkel MPV-LN cukup pengudaraan (31) | 2.2 (7) | 8.4 (27) | 19.6 (63) | 41.7 (134) | 28.0 (90) | 3.85 | 1.00 |
| Kerusi murid untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (23) | 7.8 (25) | 14.6 (47) | 14.3 (46) | 34.9 (112) | 28.3 (91) | 3.61 | 1.25 |
| Bilangan paip air di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (27) | 7.8 (25) | 15.6 (50) | 13.4 (43) | 37.4 (120) | 25.9 (83) | 3.57 | 1.24 |
| Bilangan 'plug point' (punca elektrik) adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (30) | 2.8 (9) | 11.2 (36) | 35.5 (114) | 32.7 (105) | 17.8 (57) | 3.51 | 1.00 |
| Meja murid untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (22) | 5.0 (16) | 18.4 (59) | 17.1 (55) | 40.5 (130) | 19.0 (61) | 3.50 | 1.14 |
| Ruang di bengkel MPV-LN adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti pentaksiran (36) | 4.7 (15) | 36.1 (116) | 15.9 (51) | 29.6 (95) | 13.7 (44) | 3.11 | 1.17 |
| Ruang di bengkel MPV-LN adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (35) | 3.1 (10) | 40.2 (129) | 15.0 (48) | 26.2 (84) | 15.6 (50) | 3.10 | 1.18 |
| Bilangan tandas adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (32) | 18.4 (59) | 18.7 (60) | 18.4 (59) | 34.3 (110) | 10.3 (33) | 2.99 | 1.30 |
| Bilangan bilik penyalinan adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (34) | 18.7 (60) | 20.6 (66) | 18.7 (60) | 27.4 (88) | 14.6 (47) | 2.98 | 1.34 |
| Meja kerja untuk menjalankan aktiviti MPV-LN adalah mencukupi (24) | 20.6 (66) | 19.9 (64) | 17.8 (57) | 27.4 (88) | 14.3 (46) | 2.95 | 1.36 |

(Jadual 4.28, sambungan)

| | | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|--------------|--------------|--------------|------|------|
| Bilangan bilik mandi adalah mencukupi di bengkel MPV-LN (33) | 19.9 (64) | 21.5 (69) | 16.8 (54) | 29.9 (96) | 11.8 (38) | 2.92 | 1.34 |
| Ruang stor di bengkel MPV-LN adalah mencukupi (37) | 24.6 (79) | 22.4 (72) | 22.4 (72) | 20.2 (65) | 10.3 (33) | 2.69 | 1.31 |
| Perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi (25) | 3.1 (10) | 40.2 (129) | 15.0 (48) | 26.2 (84) | 15.6 (50) | 2.42 | 1.13 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.31 | 1.17 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.28 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ ialah 3.31 dan 1.17. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN juga tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN mencukupi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.17$) menunjukkan persepsi murid terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi ‘mencukupi’ agak berbelah bahagi. Secara khususnya, murid juga bersetuju bahawa pencahayaan (terang/tidak gelap) [item 29; min = 4.00; $SP = .87$], bekalan air (item 26; min = 3.98; $SP = 1.06$), bekalan elektrik (item 28; min = 3.87; $SP = .98$), pengudaraan (item 31; min = 3.85; $SP = 1.00$), bilangan paip air (item 27; min = 3.57; $SP = 1.24$) dan bilangan ‘*plug point*’ (punca elektrik) [item 30; min = 3.51; $SP = 1.00$] di bengkel MPV-LN adalah mencukupi. Responden juga bersetuju bahawa kerusi murid (item 23; min = 3.61; $SP = 1.25$) dan meja murid (item 22; min = 3.50; $SP = 1.14$) di bengkel MPV-LN untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah mencukupi.

Sementara itu, murid MPV-LN, sama seperti guru MPV-LN tidak pasti sama ada ruang untuk menjalankan aktiviti pentaksiran (item 36; min = 3.11; SP = 1.17), ruang untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (item 35; min = 3.10; SP = 1.18) dan ruang stor (item 37; min = 2.69; SP = 1.31) di bengkel MPV-LN adalah mencukupi. Responden juga tidak pasti sama ada bilangan tandas (item 32; min = 2.99; SP = 1.30), bilangan bilik penyalinan (item 34; min = 2.98; SP = 1.34), meja kerja (item 24; min = 2.95; SP = 1.36) dan bilangan bilik mandi (item 33; min = 2.92; SP = 1.34) adalah mencukupi. Ketidakpastian murid tentang kecukupan kemudahan bengkel MPV-LN tersebut wujud mungkin kerana murid juga tiada pengetahuan tentang nisbah di antara bilangan/keluasan kemudahan-kemudahan tersebut dengan jumlah pelajar yang menggunakannya. Di pihak lain, murid MPV-LN sama seperti guru MPV-LN juga bersetuju bahawa kemudahan perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah tidak mencukupi (item 25; min = 2.42; SP = 1.13).

Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa pandangan guru MPV-LN dan murid MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'mencukupi' adalah lebih kurang sama. Berdasarkan Jadual 4.32 dan Jadual 4.33, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru MPV-LN (min purata = 3.27) dan murid MPV-LN (min purata = 3.31) tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN mencukupi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah.

Kemudahan Bengkel MPV-LN Dari Segi 'Bersesuaian'

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi 'mencukupi' adalah berpandukan kepada Jadual 4.29 dan Jadual 4.30. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.29

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Bersesuaian'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|-------------|--------------|-------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Kerusi murid adalah bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (56) | 7.1 (3) | 31.0 (13) | 4.8 (2) | 42.9 (18) | 14.3 (6) | 3.26 | 1.25 |
| Meja murid adalah bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (55) | 11.9 (5) | 23.8 (10) | 11.9 (5) | 40.5 (17) | 11.9 (5) | 3.16 | 1.26 |
| Perabot adalah bersesuaian untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (58) | 28.6 (12) | 31.0 (13) | 7.1 (3) | 31.0 (13) | 2.4 (1) | 2.47 | 1.27 |
| Meja kerja adalah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti MPV-LN (57) | 33.3 (14) | 23.8 (10) | 9.5 (4) | 31.0 (13) | 2.4 (1) | 2.45 | 1.31 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.83 | 1.23 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.29 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'bersesuaian'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'bersesuaian' ialah 2.83 dan 1.23. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.23$) menunjukkan persepsi guru terhadap kemudahan bengkel MPV-LN agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 56 menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti (min = 3.26; $SP = 1.25$) sama ada kerusi murid di bengkel MPV-LN bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN. Guru MPV-LN juga tidak pasti (item 55; min = 3.16; $SP = 1.26$) sama ada meja murid di bengkel MPV-LN bersesuaian untuk pengajaran dan

pembelajaran MPV-LN. Ketidakpastian guru MPV-LN tentang kesesuaian kerusi dan meja murid di bengkel MPV-LN untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN wujud mungkin kerana kebanyakan bengkel MPV-LN merupakan bengkel kemahiran hidup yang telah diubahsuai. Selain itu, guru MPV-LN mungkin kurang pengetahuan tentang kerusi dan meja murid sebuah bengkel vokasional yang sebenar. Sungguhpun begitu, guru MPV-LN bersetuju bahawa perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (item 58; min = 2.47; SP = 1.27) serta meja kerja untuk menjalankan aktiviti MPV-LN (item 57; min 2.45; SP = 1.31) adalah tidak bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah.

Jadual 4.30

Persepsi Murid MPV-LN terhadap Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Bersesuaian'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Kerusi murid adalah bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (39) | 5.9 (19) | 25.2 (81) | 10.0 (32) | 44.5 (143) | 14.3 (46) | 3.36 | 1.18 |
| Meja murid adalah bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (38) | 16.8 (54) | 32.4 (104) | 7.2 (23) | 29.0 (93) | 14.6 (47) | 2.92 | 1.37 |
| Perabot adalah bersesuaian untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (41) | 13.1 (42) | 48.9 (157) | 15.0 (48) | 20.9 (67) | 2.2 (7) | 2.50 | 1.03 |
| Meja kerja adalah bersesuaian untuk menjalankan aktiviti MPV-LN (40) | 29.3 (94) | 34.3 (110) | 15.0 (48) | 18.7 (60) | 2.8 (9) | 2.31 | 1.16 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 2.77 | 1.19 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.30 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'bersesuaian'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan

piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'bersesuaian' ialah 2.77 dan 1.19. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN sama seperti guru MPV-LN juga tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.19) menunjukkan persepsi murid terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'bersesuaian' agak berbelah bahagi. Secara khususnya, murid MPV-LN tidak pasti sama ada kerusi murid (item 39; min = 3.36; SP = 1.18) dan meja murid (item 38; min = 2.92; SP = 1.37) di bengkel MPV-LN bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN. Ketidakpastian murid tentang kesesuaian kerusi dan meja murid tersebut wujud mungkin kerana murid kurang pengetahuan tentang kerusi dan meja murid sebuah bengkel vokasional yang sebenar. Di pihak lain, murid MPV-LN juga menyatakan bahawa perabot tidak bersesuaian untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (item 41; min = 2.50; SP = 1.03). Responden juga tidak bersetuju bahawa meja kerja bersesuaian untuk menjalankan aktiviti MPV-LN (item 40; min = 2.31; SP = 1.16). Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.29 dan Jadual 4.30, guru MPV-LN (min purata = 2.83) dan murid MPV-LN (min purata = 2.77) tidak pasti sama ada kemudahan bengkel MPV-LN bersesuaian untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah.

Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

Analisis aspek peralatan MPV-LN dari segi 'berfungsi' adalah berpandukan kepada Jadual 4.31 dan Jadual 4.32. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.31

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|--------------|---------------------------|------------|--------------|-------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Semua lampu di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (60) | 7.1 (3) | 14.3 (6) | - - | 64.3 (27) | 14.3 (6) | 3.64 | 1.12 |
| Semua kipas di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (62) | 11.9 (5) | 11.9 (5) | - - | 59.5 (25) | 16.7 (7) | 3.57 | 1.25 |
| Semua paip air di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (59) | 7.1 (3) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 57.1 (24) | 14.3 (6) | 3.52 | 1.17 |
| Semua 'plug point' (punca elektrik) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (61) | 9.5 (4) | 14.3 (6) | 4.8 (2) | 57.1 (24) | 14.3 (6) | 3.52 | 1.19 |
| Tandas di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (63) | 26.2 (11) | 16.7 (7) | 7.1 (3) | 45.2 (19) | 4.8 (2) | 2.85 | 1.37 |
| Bilik mandi di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (64) | 26.2 (11) | 23.8 (10) | 7.1 (3) | 40.5 (17) | 2.4 (1) | 2.69 | 1.31 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.30 | 1.24 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.31 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi' ialah 3.30 dan 1.24. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti tentang kefungsiian kemudahan bengkel MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.24) menunjukkan persepsi guru MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi' agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 60 menunjukkan guru MPV-LN bersetuju (min = 3.64; SP = 1.12) bahawa lampu di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya. Guru MPV-LN juga bersetuju bahawa kipas (item 62; min = 3.57; SP = 1.25), paip air (item 59; min = 3.52; SP = 1.17) dan *plug*

point (punca elektrik) [item 61; min = 3.52; SP = 1.19] di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya.

Sementara itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada tandas (item 63; min = 2.85; SP = 1.37) di bengkel MPV-LN berfungsi dengan sepenuhnya. Responden juga tidak pasti sama ada bilik mandi (item 64; min = 2.69; SP = 1.31) di bengkel MPV-LN berfungsi dengan sepenuhnya. Ketidakpastian guru tentang kefungsi tandas dan bilik mandi di bengkel wujud mungkin kerana kemudahan-kemudahan tersebut kurang atau langsung tidak digunakan oleh guru MPV-LN.

Jadual 4.32

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Kemudahan Bengkel MPV-LN dari Segi 'Berfungsi'

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|---------------|--------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Semua ' <i>plug point</i> ' (punca elektrik) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (44) | 2.8 (9) | 10.9 (35) | 30.5 (98) | 32.7 (105) | 23.1 (74) | 3.62 | 1.04 |
| Semua lampu di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (43) | 13.1 (42) | 6.2 (20) | 15.3 (49) | 43.9 (141) | 21.5 (69) | 3.54 | 1.26 |
| Semua paip air di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (42) | 5.6 (18) | 20.9 (67) | 18.4 (59) | 38.9 (125) | 16.2 (52) | 3.39 | 1.14 |
| Semua kipas di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (45) | 16.5 (53) | 12.1 (39) | 10.3 (33) | 41.7 (134) | 19.3 (62) | 3.35 | 1.36 |
| Tandas di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (46) | 32.4 (104) | 21.8 (70) | 5.9 (19) | 22.1 (71) | 17.8 (57) | 2.71 | 1.53 |
| Bilik mandi di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya (47) | 43.3 (139) | 18.7 (60) | 3.1 (10) | 20.9 (67) | 14.0 (45) | 2.43 | 1.54 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.17 | 1.31 |

N
ot
a

STS : Sangat Tidak Setuju (1)
 TS : Tidak Setuju (2)
 TP : Tidak Pasti (3)
 S : Setuju (4)
 SS : Sangat Setuju (5)
 SP : Sisihan Piawai

Jadual 4.32 menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi'. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi' ialah 3.17 dan 1.31. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN juga tidak pasti tentang kefungsi kemudahan bengkel MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.31$) menunjukkan persepsi murid MPV-LN terhadap kemudahan bengkel MPV-LN dari segi 'berfungsi' agak berbelah bahagi. Secara khusus, item 44 menunjukkan murid MPV-LN bersetuju ($min = 3.62$; $SP = 1.04$) bahawa *plug point* (punca elektrik) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya. Seterusnya, murid MPV-LN juga bersetuju bahawa lampu (item 43; $min = 3.54$; $SP = 1.26$) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya.

Dalam pada itu, murid MPV-LN tidak pasti sama ada paip air (item 42; $min = 3.39$; $SP = 1.14$), kipas (item 45; $min = 3.35$; $SP = 1.36$) dan tandas (item 46; $min = 2.71$; $SP = 1.53$) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya. Murid MPV-LN tidak pasti tentang kefungsi kemudahan-kemudahan tersebut kerana murid MPV-LN mungkin tidak berpeluang menggunakan kesemua kemudahan-kemudahan tersebut dengan sepenuhnya. Namun begitu, murid MPV-LN tidak bersetuju bahawa bilik mandi (item 47; $min = 2.43$; $SP = 1.54$) di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya.

Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.31 dan Jadual 4.32, guru MPV-LN (min purata = 3.30) dan murid MPV-LN (min purata = 3.17) tidak pasti tentang kefungsi kemudahan bengkel MPV-LN di sekolah.

4.5 Penilaian Proses

Dapatan deskriptif pada bahagian ini difokuskan bagi menjawab soalan kajian 3, 4, 5, 6 dan 7. Dapatan kajian dilaporkan dengan membincangkan pencapaian skor min guru

MPV-LN dan murid MPV-LN serta membandingkan nilai purata min guru MPV-LN dan murid MPV-LN secara deskriptif. Hasil temu bual dan pemerhatian juga dibincangkan dalam bahagian ini.

Soalan Kajian 3

Sejauh manakah langkah-langkah keselamatan dilaksanakan dalam program MPV-LN?

Analisis aspek langkah-langkah keselamatan MPV-LN adalah berpandukan kepada Jadual 4.33 dan Jadual 4.34. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.33

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Langkah-Langkah Keselamatan MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|------------|------------|-------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Bengkel MPV-LN dikunci selepas menggunakan bengkel tersebut (79) | - (-) | - (-) | 4.8 (2) | 52.4 (22) | 42.9 (18) | 4.38 | .58 |
| Bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan kemasukan barang dilakukan (77) | - (-) | - (-) | 4.8 (2) | 61.9 (26) | 33.3 (14) | 4.29 | .55 |
| Bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan pengeluaran barang dilakukan (78) | - (-) | - (-) | 9.5 (4) | 61.9 (26) | 28.6 (12) | 4.19 | .59 |
| Barang-barang dalam stor MPV-LN sentiasa disimpan dengan teratur (80) | - (-) | 7.1 (3) | 11.9 (5) | 57.1 (24) | 23.8 (10) | 3.98 | .81 |
| Semua peralatan MPV-LN disimpan secara teratur supaya ia tidak membahayakan sesiapa (76) | 4.8 (2) | 7.1 (3) | 4.8 (2) | 59.5 (25) | 23.8 (10) | 3.90 | 1.01 |
| Taklimat keselamatan diadakan setiap kali sebelum kerja amali MPV-LN dijalankan (65) | 2.4 (1) | 7.1 (3) | 7.1 (3) | 69.0 (29) | 14.3 (6) | 3.86 | 0.84 |
| Dawai letrik tidak ada yang terdedah di bengkel MPV-LN (74) | 4.8 (2) | 9.5 (4) | 7.1 (3) | 52.4 (22) | 26.2 (11) | 3.86 | 1.07 |

(Jadual 4.33, sambungan)

| | | | | | | | |
|--|-------------|---------------------------|------------|--------------|--------------|------|------|
| Semua peralatan MPV-LN disimpan semula di tempat asalnya setiap kali selepas menggunakannya (75) | 4.8 (2) | 19.0 (8) | - - | 54.8 (23) | 21.4 (9) | 3.69 | 1.16 |
| Kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN tidak bersemak (73) | 4.8 (2) | 21.4 (9) | - - | 54.8 (23) | 19.0 (8) | 3.62 | 1.17 |
| Lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa tidak licin (71) | 4.8 (2) | 23.8 (10) | 2.4 (1) | 52.4 (22) | 16.7 (7) | 3.52 | 1.17 |
| <i>Fire extinguisher</i> (pemadam kebakaran) ada terpasang di bengkel MPV-LN (66) | 4.8 (2) | 40.5 (17) | 2.4 (1) | 26.2 (11) | 26.2 (11) | 3.29 | 1.37 |
| Lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa bersih (70) | 4.8 (2) | 35.7 (15) | 2.4 (1) | 45.2 (19) | 11.9 (5) | 3.24 | 1.21 |
| Kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN sentiasa bersih (72) | 4.8 (2) | 50.0 (21) | 2.4 (1) | 28.6 (12) | 14.3 (6) | 2.98 | 1.26 |
| <i>First Aid Box</i> (peti pertolongan kecemasan) bengkel MPV-LN sentiasa lengkap (69) | - - | 64.3 (27) | 2.4 (1) | 23.8 (10) | 9.5 (4) | 2.79 | 1.12 |
| Pelan keselamatan kebakaran dipamerkan di bengkel MPV-LN (67) | - - | 76.2 (32) | - - | 2.4 (1) | 21.4 (9) | 2.69 | 1.26 |
| <i>Fire Drill</i> (latihan kebakaran) telah diadakan untuk murid-murid MPV-LN (68) | 16.7 (7) | 47.6 (20) | 4.8 (2) | 16.7 (7) | 14.3 (6) | 2.64 | 1.34 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.55 | 1.17 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.33 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap langkah-langkah keselamatan MPV-LN. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk langkah-langkah keselamatan MPV-LN ialah 3.55 dan 1.17. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN bersetuju bahawa langkah-langkah keselamatan MPV-LN dilaksanakan dalam program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 79 menunjukkan guru MPV-LN sangat bersetuju (min = 4.38; SP = .58) bahawa bengkel MPV-LN dikunci selepas menggunakannya. Item 77 juga menunjukkan guru MPV-LN

sangat bersetuju (min = 4.29; SP = .55) bahawa bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan kemasukan barang dilakukan. Guru MPV-LN juga bersetuju bahawa bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan pengeluaran barang dilakukan (item 78; min = 4.19; SP = .59), barang-barang dalam stor MPV-LN sentiasa disimpan dengan teratur (item 80; min = 3.98; SP = .81), semua peralatan MPV-LN disimpan secara teratur supaya ia tidak membahayakan sesiapa (item 76; min = 3.90; SP = 1.01), taklimat keselamatan diadakan setiap kali sebelum kerja amali MPV-LN dijalankan (item 65; min = 3.86; SP = .84), dawai letrik tidak ada yang terdedah di bengkel MPV-LN (item 74; min = 3.86; SP = 1.07) dan semua peralatan MPV-LN disimpan semula di tempat asalnya setiap kali selepas menggunakannya (item 75; min = 3.69; SP = 1.16). Responden juga bersetuju bahawa langkah keselamatan memastikan kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN tidak bersemak (item 73; min = 3.62; SP = 1.17) serta lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa tidak licin (item 71; min = 3.52; SP = 1.17) dilaksanakan dalam program MPV-LN.

Namun begitu, guru MPV-LN tidak pasti tentang langkah-langkah keselamatan yang lain, iaitu *Fire extinguisher* (pemadam kebakaran) ada terpasang di bengkel MPV-LN (item 66; min = 3.29; SP = 1.37); lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa bersih (item 70; min = 3.24; SP = 1.21); kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN sentiasa bersih (item 72; min = 2.98; SP = 1.26); *First Aid Box* (peti pertolongan kecemasan) bengkel MPV-LN sentiasa lengkap (item 69; min = 2.79; SP = 1.12) dan pelan keselamatan kebakaran dipamerkan di bengkel MPV-LN (item 67; min = 2.69; SP = 1.26) dilaksanakan dalam program MPV-LN. Di samping itu, guru MPV-LN juga tidak pasti sama ada *Fire Drill* (latihan kebakaran) telah diadakan untuk murid-murid MPV-LN (item 68; min = 2.64; SP = 1.34) dalam program MPV-LN. Sisihan piawai untuk item 66, 70, 72, 69, 67 dan 68 tersebut adalah tinggi menunjukkan persepsi guru terhadap langkah-langkah keselamatan tersebut agak berbelah bahagi. Ketidakpastian

guru MPV-LN tentang langkah-langkah keselamatan tersebut wujud mungkin kerana guru MPV-LN kurang memberikan perhatian kepada langkah-langkah keselamatan tersebut dan mengharapkan pembantu bengkel atau pihak kontraktor luar melaksanakan langkah-langkah keselamatan tersebut. Selain itu, guru MPV-LN mungkin juga tidak sentiasa berada di bengkel MPV-LN. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya, guru MPV-LN bersetuju bahawa langkah-langkah keselamatan dilaksanakan dalam program MPV-LN.

Jadual 4.34

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Langkah-Langkah Keselamatan MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|-------------|---------------|--------------|---------------|---------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan kemasukan barang dilakukan (60) | 1.2 (4) | 2.5 (8) | 5.9 (19) | 44.9 (144) | 45.5 (146) | 4.31 | 0.80 |
| Bengkel MPV-LN dikunci selepas menggunakan bengkel tersebut (62) | 2.2 (7) | 4.0 (13) | 10.6 (34) | 42.1 (135) | 41.1 (132) | 4.16 | 0.92 |
| Bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan pengeluaran barang dilakukan (61) | 1.9 (6) | 4.0 (13) | 17.4 (56) | 41.4 (133) | 35.2 (113) | 4.04 | 0.93 |
| Dawai letrik tidak ada yang terdedah di bengkel MPV-LN (57) | 3.4 (11) | 5.6 (18) | 27.1 (87) | 38.3 (123) | 25.5 (82) | 3.77 | 1.00 |
| Barang-barang dalam stor MPV-LN sentiasa disimpan dengan teratur (63) | 1.9 (6) | 23.1 (74) | 8.4 (27) | 37.1 (119) | 29.6 (95) | 3.69 | 1.18 |
| Taklimat keselamatan diadakan setiap kali sebelum kerja amali MPV-LN dijalankan (48) | 5.9 (19) | 15.3 (49) | 12.5 (40) | 40.5 (130) | 25.9 (83) | 3.65 | 1.19 |
| Kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN tidak bersemak (56) | 4.7 (15) | 10.3 (33) | 19.6 (63) | 46.7 (150) | 18.7 (60) | 3.64 | 1.05 |
| Semua peralatan MPV-LN disimpan secara teratur supaya ia tidak membahayakan sesiapa (59) | 3.7 (12) | 21.2 (68) | 9.7 (31) | 40.5 (130) | 24.9 (80) | 3.62 | 1.18 |
| Semua peralatan MPV-LN disimpan semula di tempat asalnya setiap kali selepas menggunakannya (58) | 2.5 (8) | 32.7 (105) | 9.3 (30) | 36.8 (118) | 18.7 (60) | 3.36 | 1.19 |
| Lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa bersih (53) | 2.5 (8) | 32.1 (103) | 18.7 (60) | 29.0 (93) | 17.8 (57) | 3.27 | 1.16 |
| Lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa tidak licin (54) | 5.6 (18) | 32.7 (105) | 17.8 (57) | 25.9 (83) | 18.1 (58) | 3.18 | 1.23 |

(Jadual 4.34, sambungan)

| | | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|--------------|--------------|--------------|------|------|
| <i>Fire extinguisher</i> (pemadam kebakaran) ada terpasang di bengkel MPV-LN (49) | 12.5 (40) | 37.7 (121) | 10.0 (32) | 24.0 (77) | 15.9 (51) | 2.93 | 1.32 |
| <i>First Aid Box</i> bengkel MPV-LN (peti pertolongan kecemasan) sentiasa lengkap (52) | 9.7 (31) | 43.3 (139) | 5.6 (18) | 27.4 (88) | 14.0 (45) | 2.93 | 1.29 |
| Kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN sentiasa bersih (55) | 9.7 (31) | 44.2 (142) | 12.1 (39) | 20.2 (65) | 13.7 (44) | 2.84 | 1.25 |
| <i>Fire Drill</i> (latihan kebakaran) telah diadakan untuk murid-murid MPV-LN (51) | 12.1 (39) | 54.2 (174) | 10.3 (33) | 14.3 (46) | 9.0 (29) | 2.54 | 1.15 |
| Pelan keselamatan kebakaran dipamerkan di bengkel MPV-LN (50) | 14.6 (47) | 61.4 (197) | 4.7 (15) | 9.7 (31) | 9.7 (31) | 2.38 | 1.14 |
| Bilangan Murid : 321 | | Purata : | | | | 3.39 | 1.12 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.34 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap langkah-langkah keselamatan MPV-LN. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk langkah-langkah keselamatan MPV-LN ialah 3.39 dan 1.12. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN hampir bersetuju bahawa langkah-langkah keselamatan MPV-LN dilaksanakan dalam program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.12$) menunjukkan persepsi murid terhadap langkah-langkah keselamatan MPV-LN yang dilaksanakan dalam program MPV-LN di sekolah agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 60 menunjukkan murid MPV-LN sangat bersetuju ($min = 4.31$; $SP = .80$) bahawa bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan kemasukan barang dilakukan. Sementara itu, murid MPV-LN juga bersetuju bahawa bengkel MPV-LN dikunci selepas menggunakan bengkel tersebut (item 62; $min = 4.16$; $SP = .92$), bilik stor MPV-LN dikunci selepas urusan pengeluaran barang dilakukan (item 61; $min = 4.04$; $SP = .93$), dawai letrik tidak

ada yang terdedah di bengkel MPV-LN (item 57; min = 3.77; SP = 1.00), barang-barang dalam stor MPV-LN sentiasa disimpan dengan teratur (item 63; min = 3.69; SP = 1.18) dan taklimat keselamatan diadakan setiap kali sebelum kerja amali MPV-LN dijalankan (item 48; min = 3.65; SP = 1.19). Selain itu, murid MPV-LN juga bersetuju bahawa kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN tidak bersemak (item 56; min = 3.64; SP = 1.05) dan semua peralatan MPV-LN disimpan secara teratur supaya ia tidak membahayakan sesiapa (item 59; min = 3.62; SP = 1.18).

Sungguhpun begitu, murid MPV-LN tidak pasti dengan langkah-langkah keselamatan berikut, iaitu semua peralatan MPV-LN disimpan semula di tempat asalnya setiap kali selepas menggunakannya (item 58; min = 3.36; SP = 1.19); lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa bersih (item 53; min = 3.27; SP = 1.16); lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa tidak licin (item 54; min = 3.18; SP = 1.23); *Fire extinguisher* (pemadam kebakaran) ada terpasang di bengkel MPV-LN (item 49; min = 2.93; SP = 1.32); *First Aid Box* bengkel MPV-LN (peti pertolongan kecemasan) sentiasa lengkap (item 52; min = 2.93; SP = 1.29); dan kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN sentiasa bersih (item 55; min = 2.84; SP = 1.25). Ketidakpastian murid tentang langkah-langkah keselamatan tersebut wujud mungkin kerana murid tidak mengambil berat atau kurang memberikan perhatian kepada langkah-langkah keselamatan tersebut.

Namun begitu, murid MPV-LN tidak bersetuju bahawa *Fire Drill* (latihan kebakaran) telah diadakan untuk murid-murid MPV-LN (item 51; min = 2.54; SP = 1.15) dan pelan keselamatan kebakaran dipamerkan di bengkel MPV-LN (item 50; min = 2.38; SP = 1.14). Kesimpulannya, berdasarkan min purata guru iaitu 3.55 (Jadual 4.33) dan min purata murid iaitu 3.39 (hampir bersetuju) [Jadual 4.34], dapatlah dirumuskan bahawa guru MPV-LN dan murid MPV-LN bersetuju bahawa langkah-langkah keselamatan MPV-LN dilaksanakan dalam program MPV-LN. Namun begitu,

didapati langkah-langkah untuk menjaga keselamatan peralatan dan barang daripada kecurian lebih dititikberatkan daripada keselamatan manusia kerana langkah-langkah keselamatan seperti mengadakan *'Fire Drill'* (latihan kebakaran), mempamerkan pelan keselamatan, memastikan *'First Aid Box'* (peti kecemasan pertama) lengkap serta memastikan kawasan di persekitaran bengkel bersih kurang diberi perhatian.

Soalan Kajian 4

Bagaimanakah pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN dilaksanakan oleh guru MPV-LN?

Fokus soalan ini adalah untuk menilai bagaimana guru MPV-LN melaksanakan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN di sekolah. Untuk menjawab soalan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi daripada pemerhatian dan temu bual. Pembentangan dapatan kajian ini dibuat berdasarkan lima persoalan yang berkaitan dengan soalan kajian iaitu agihan masa untuk pengajaran teori dan amali, kaedah pengajaran, pentaksiran kompetensi, keselamatan dan interaksi guru-murid. Di samping itu, masalah dan cadangan guru dan murid MPV-LN juga dibincangkan.

Agihan Masa Untuk Pengajaran Teori Dan Amali

Aspek agihan masa adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN. Memandangkan program MPV-LN memberikan tumpuan kepada aktiviti amali (*hands-on*), maka banyak masa pengajaran harus diperuntukkan kepada aspek amali (*hands-on*) daripada aspek teori. Hasil pemerhatian ke atas agihan masa dalam proses

pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN oleh lima orang guru di lima buah sekolah dibentangkan dalam jadual dan dibincangkan satu demi satu.

Jadual 4.35 menunjukkan hasil pemerhatian (Pemerhatian 1 dan 2) yang dibuat ke atas agihan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN Guru 1 di Sekolah 1 (S1PM1, S1PM2).

Jadual 4.35

Hasil Pemerhatian – Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN Guru 1 di Sekolah 1

| Pemerhatian | Masa Pengajaran (mengikut buku rekod mengajar) | Agihan Masa Aktiviti Bukan P&P (minit) | | | Jumlah Masa P&P Sebenar (minit) | Agihan Masa P&P Peratus (minit) | | Agihan Masa P&P & Bukan P&P Peratus (minit) | |
|-------------|---|--|-----|----|---------------------------------|---------------------------------|-----------------|---|----------------|
| | | GL | PK | PM | | Teori | Amali | P&P | Bukan P&P |
| 1 | 7.30-9.30 pagi (120 minit) | 10 | 2 | 5 | 7.42-9.25 pagi (103) | 3.0 (3) | 97.0 (100) | 85.8 (103) | 14.2 (17) |
| 2 | 7.30-9.30 pagi (120 minit) | 8 | 3 | 5 | 7.42-9.25 pagi (104) | 2.9 (3) | 97.1 (101) | 86.7 (104) | 13.3 (16) |
| Purata: | 120 | 9 | 2.5 | 5 | 103.5 | 2.9 (3) | 97.1 (100.5) | 86.2 (103.5) | 13.8 (16.5) |

Nota : GL - Guru Lewat (lewat masuk kelas)
 PK - Pengurusan Kelas (seperti merekod kehadiran murid)
 PM - Persediaan Murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian)
 P&P- Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan Jadual 4.35, didapati Guru 1 memperuntukkan lebih banyak masa iaitu secara purata sebanyak 97.1% (100.5 minit) kepada aktiviti amali (*hands-on*) dan 2.9% (3 minit) kepada aspek teori daripada jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran teori lebih merupakan penerangan guru mengenai modul pembelajaran pada awal pelajaran dan arahan kerja kepada murid. Namun begitu, didapati Guru 1, secara purata lewat 9 minit untuk masuk kelas MPV-LN kerana mengambil sarapan pagi di kantin sekolah. Oleh itu, secara purata jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran ialah 103.5 (86.2%) minit daripada 120 minit peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran (mengikut buku rekod mengajar)

manakala 16.5 minit (13.8%) digunakan untuk aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan akibat guru lewat masuk kelas.

Jadual 4.36 menunjukkan hasil pemerhatian (Pemerhatian 1 dan 2) yang dibuat ke atas agihan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN Guru 2 di Sekolah 2 (S2PM1, S2PM2).

Jadual 4.36

Hasil Pemerhatian – Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN Guru 2 di Sekolah 2

| Pemerhatian | Masa Pengajaran (mengikut buku rekod mengajar) | Agihan Masa Aktiviti Bukan P&P (minit) | | | Jumlah Masa P&P Sebenar (minit) | Agihan Masa P&P Peratus (minit) | | Agihan Masa P&P & Bukan P&P Peratus (minit) | |
|-------------|--|--|----|----|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------|--|--------------|
| | | GL | PK | PM | | Teori | Amali | P&P | Bukan P&P |
| 1 | 7.40-9.40 pagi (120 minit) | 10 | 3 | 20 | 7.53-9.20 pagi (87) | 8.0 (7) | 92.0 (80) | 72.5 (87) | 27.5 (33) |
| 2 | 7.40-9.40 pagi (120 minit) | 10 | 5 | - | 7.55-9.40 pagi (105) | 4.8 (5) | 95.2 (100) | 87.5 (105) | 12.5 (15) |
| Purata: | 120 | 10 | 4 | 10 | 96 | 6.4 (6) | 93.6 (90) | 80.0 (96) | 20 (24) |

Nota : GL - Guru Lewat (lewat masuk kelas)

PK - Pengurusan Kelas (seperti merekod kehadiran murid)

PM - Persediaan Murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian)

P&P- Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan Jadual 4.36, didapati Guru 2 seperti Guru 1 juga memperuntukkan lebih banyak masa kepada aktiviti amali (*hands-on*) iaitu, secara purata sebanyak 93.6% (90 minit) dan 6.4% (6 minit) kepada aspek teori daripada jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Guru 2 seperti Guru 1 juga lewat masuk kelas, secara purata sebanyak sepuluh minit dalam Pemerhatian 1 dan 2 kerana sibuk membuat jadual *relief*. Guru 2 ialah seorang Ketua Bidang Teknik dan Vokasional dan guru kelas Tingkatan 4 MPV-LN. Dalam Pemerhatian 1 (S2PM1), didapati murid-murid diberikan

20 minit untuk membersihkan diri dan menyalin pakaian kerana bengkel MPV-LN tiada bilik penyalinan dan tandas bengkel juga tidak berfungsi. Oleh itu, murid-murid terpaksa menggunakan tandas murid lain, yang terletak jauh dari bengkel MPV-LN. Dalam Pemerhatian 2 (S2PM2), didapati tiada masa diperuntukkan untuk persediaan murid kerana murid-murid tidak masuk bengkel pada hari itu kerana hujan dan semua murid tinggal dalam kelas untuk membuat buku folio. Oleh itu, secara purata jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran ialah 96 minit (80.0%) minit daripada 120 minit peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran (mengikut buku rekod mengajar) manakala 24 minit (20.0%) digunakan untuk aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan akibat guru lewat masuk kelas.

Jadual 4.37 di bawah menunjukkan hasil pemerhatian (Pemerhatian 1 dan 2) yang dibuat ke atas agihan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN Guru 3 di Sekolah 3 (S3PM1, S3PM2).

Jadual 4.37

Hasil Pemerhatian – Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN Guru 3 di Sekolah 3

| Pemerhatian | Masa Pengajaran (mengikut buku rekod mengajar) | Agihan masa- Aktiviti Bukan P&P (minit) | | | Jumlah Masa P&P Sebenar (minit) | Agihan Masa P&P Peratus (minit) | | Agihan Masa P&P & Bukan P&P Peratus (minit) | |
|-------------|--|---|----|----|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------|--|--------------|
| | | GL | PK | PM | | Teori | Amali | P&P | Bukan P&P |
| 1 | 7.40-10.35 pagi (175 minit) | - | 10 | 15 | 7.50-10.20 pagi (150) | 13.3 (20) | 86.7 (130) | 85.7 (150) | 14.3 (25) |
| 2 | 7.40-9.25 pagi (105 minit) | - | 10 | 5 | 7.50-9.20 pagi (90) | 11.1 (10) | 88.9 (80) | 85.7 (90) | 14.3 (15) |
| Purata: | 140 | - | 10 | 10 | 120 | 12.2 (15) | 87.8 (105) | 85.7 (120) | 14.3 (20) |

Nota : GL - Guru Lewat (lewat masuk kelas)

PK - Pengurusan Kelas (seperti merekod kehadiran murid)

PM - Persediaan Murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian)

P&P- Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan Jadual 4.37, didapati Guru 3 seperti Guru 1 dan Guru 2, juga memperuntukkan lebih banyak masa kepada aktiviti amali (*hands-on*) iaitu, secara purata sebanyak 87.8% (105 minit) dan 12.2% (15 minit) kepada aspek teori, daripada jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam Pemerhatian 1 (S3PM1), didapati murid-murid diberikan 15 minit untuk membersihkan diri dan menyalin pakaian kerana bengkel MPV-LN tiada bilik penyalinan dan murid tidak dibenarkan menggunakan tandas di bengkel kerana tandas tersebut hanya digunakan oleh guru MPV-LN. Oleh itu, murid-murid terpaksa menggunakan tandas murid lain, yang terletak jauh dari bengkel MPV-LN. Secara purata, Guru 3 menghabiskan masa selama 10 minit untuk pengurusan kelas kerana beliau merupakan guru kelas Tingkatan 4 MPV-LN. Kesimpulannya, secara purata jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran ialah 120 minit (85.7%) minit daripada 140 minit peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran (mengikut buku rekod mengajar) manakala 20 minit (14.3%) digunakan untuk aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan akibat guru lewat masuk kelas.

Jadual 4.38 menunjukkan hasil pemerhatian (Pemerhatian 1 dan 2) yang dibuat ke atas agihan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN Guru 4 di Sekolah 4 (S4PM1, S4PM2).

Jadual 4.38

Hasil Pemerhatian – Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN Guru 4 di Sekolah 4

| Pemerhatian | Masa Pengajaran (mengikut buku rekod mengajar) | Agihan masa- Aktiviti Bukan P&P (minit) | | | Jumlah Masa P&P Sebenar (minit) | Agihan Masa P&P Peratus (minit) | | Agihan Masa P&P & Bukan P&P Peratus (minit) | |
|-------------|--|---|-----|----|---------------------------------------|---------------------------------------|--------------|--|--------------|
| | | GL | PK | PM | | Teori | Amali | P&P | Bukan P&P |
| 1 | 11.20-1.20 tgh (120 minit) | 20 | 10 | 20 | 11.50-1.00 tgh (70) | 14.3 (10) | 85.7 (60) | 58.3 (70) | 41.7 (50) |
| 2 | 8.15-9.35 pagi (80 minit) | 15 | 3 | 10 | 8.33-9.25 pagi (52) | - | 100 (52) | 65 (52) | 35 (28) |
| Purata: | 100 | 17.5 | 6.5 | 15 | 61 | 7.1 (5) | 92.9 (56) | 61.7 (61) | 38.3 (39) |

Nota : GL - Guru Lewat (lewat masuk kelas)

PK - Pengurusan Kelas (seperti merekod kehadiran murid)

PM - Persediaan Murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian)

P&P- Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan Jadual 4.38, didapati Guru 4 seperti Guru 1, Guru 2 dan Guru 3, juga

memperuntukkan lebih banyak masa kepada aktiviti amali (*hands-on*) iaitu, secara

purata sebanyak 92.9% (56 minit) dan 7.1% (5 minit) kepada aspek teori, daripada

jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam Pemerhatian 2

(S4PM2), guru tidak memberikan penerangan awal kerana lambat masuk bengkel dan

murid-murid menyambung aktiviti lepas. Satu perkara yang amat ketara ialah masa

pengajaran dan pembelajaran yang terbuang iaitu secara purata sebanyak 17.5 minit

kerana guru lewat masuk kelas kerana ada urusan lain (S4PM1) dan menghadiri

perhimpunan pagi (S4PM2). Murid-murid diberikan masa yang lama iaitu secara purata

selama 15 minit untuk membersihkan diri dan menyalin pakaian kerana bengkel MPV-

LN tiada bilik penyalinan dan murid tidak dibenarkan menggunakan tandas di bengkel.

Tandas di bengkel hanya untuk guru dan pembantu bengkel MPV-LN. Oleh itu, murid-

murid terpaksa menggunakan tandas murid lain yang terletak jauh dari bengkel MPV-

LN. Secara purata, Guru 4 menghabiskan masa selama 6.5 minit untuk pengurusan

kelas kerana beliau merupakan guru kelas Tingkatan 4 MPV-LN. Didapati, secara

purata, lebih daripada $\frac{1}{4}$ daripada jumlah masa pengajaran dan pembelajaran iaitu

sebanyak 38.4% (39 minit) terbuang akibat guru lewat masuk kelas, pengurusan kelas dan persediaan murid. Oleh itu, secara purata jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran ialah cuma 61 minit (61.7%) minit daripada 100 minit peruntukan masa untuk pengajaran dan pembelajaran (mengikut buku rekod mengajar) manakala 39 minit (38.3%) digunakan untuk aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan akibat guru lewat masuk kelas.

Jadual 4.39 menunjukkan hasil pemerhatian (pemerhatian 1 dan 2) yang dibuat ke atas agihan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN Guru 5 di Sekolah 5 (S5PM1, S5PM2).

Jadual 4.39

Hasil Pemerhatian – Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN Guru 5 di Sekolah 5

| Pemerhatian | Masa Pengajaran (mengikut buku rekod mengajar) | Agihan masa- Aktiviti Bukan P&P (minit) | | | Jumlah Masa P&P Sebenar (minit) | Agihan Masa P&P Peratus (minit) | | Agihan Masa P&P & Bukan P&P Peratus (minit) | |
|-------------|--|---|-----|----|---------------------------------------|---------------------------------------|--------------|--|----------------|
| | | GL | PK | PM | | Teori | Amali | P&P | Bukan P&P |
| 1 | 8.10-10.10 pagi (120 minit) | 20 | 10 | 5 | 8.40-10.05pagi (85) | 35.3 (30) | 64.7 (55) | 70.8 (85) | 29.2 (35) |
| 2 | 11.10-1.10 tgh (120 minit) | - | 5 | 5 | 11.15-1.05pagi (110) | 4.5 (5) | 95 (105) | 91.6 (110) | 8.4 (10) |
| Purata: | 120 | 10 | 7.5 | 5 | 97.5 | 19.9 (17.5) | 80.1 (80) | 81.2 (97.5) | 18.8 (22.5) |

Nota : GL - Guru Lewat (lewat masuk kelas)

PK - Pengurusan Kelas (seperti merekod kehadiran murid)

PM - Persediaan Murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian)

P&P- Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan Jadual 4.39, didapati Guru 5 seperti Guru 1, Guru 2, Guru 3 dan Guru 4 juga memperuntukkan lebih banyak masa kepada aktiviti amali (*hands-on*) iaitu, secara purata sebanyak 80.1% (80 minit) berbanding dengan 19.9% (17.5 minit) kepada aspek teori daripada jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam Pemerhatian 1 (S5PM1), guru lewat 20 minit untuk masuk kelas kerana perhimpunan

pagi yang tamat lambat. Secara purata, Guru 5 mengambil masa selama 7.5 minit untuk pengurusan kelas kerana beliau merupakan guru kelas Tingkatan 4 MPV-LN. Didapati, secara purata, cuma 5 minit diperuntukkan kepada persediaan murid kerana hampir semua murid membuat aktiviti (membuat tut) tanpa menukar pakaian sekolah mereka. Maka, murid-murid tidak memerlukan masa untuk menyalin pakaian mereka. Oleh itu, secara purata jumlah masa sebenar proses pengajaran dan pembelajaran ialah 97.5 (81.2%) minit daripada 120 minit masa pengajaran dan pembelajaran (mengikut buku rekod mengajar) manakala 22.5 minit (18.8%) digunakan untuk aktiviti bukan pengajaran dan pembelajaran iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan akibat guru lewat masuk kelas.

Jadual 4.40 menunjukkan purata agihan masa untuk proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN dan untuk tujuan bukan proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN oleh kesemua guru yang telah diperhatikan (Guru 1, Guru 2, Guru 3, Guru 4 dan Guru 5).

Jadual 4.40

Purata Agihan Masa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN

| Guru MPV-LN | Purata Agihan Masa Pengajaran dan Pembelajaran Peratus (minit) | | Purata Agihan Masa Bukan Pengajaran dan Pembelajaran Peratus (minit) |
|--------------------|--|-----------------|--|
| | Teori | Amali | |
| Guru 1 | 2.9 (3) | 97.1 (100.5) | 13.8 (16.5) |
| Guru 2 | 6.4 (6) | 93.6 (90) | 20.0 (24) |
| Guru 3 | 12.2 (15) | 87.8 (105) | 14.3 (20) |
| Guru 4 | 7.1 (5) | 92.9 (56) | 38.3 (39) |
| Guru 5 | 19.9 (17.5) | 80.1 (80) | 18.8 (22.5) |
| Purata Keseluruhan | 9.7 (9.3) | 90.3 (86.3) | 21.04 (24.4) |

Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.40 kesemua guru yang telah diperhatikan memperuntukkan lebih banyak masa (secara purata 90.3 %) kepada aspek amali (*hands-on*) daripada aspek teori (secara purata 9.7%) semasa proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN, selaras dengan perancangan program MPV-LN. Perkara ini juga menunjukkan guru MPV-LN memahami cara pengajaran bermodul. Dalam pada itu, didapati secara purata 21.04% (24.4 minit) daripada jumlah masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN digunakan untuk urusan-urusan bukan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (seperti merekod kehadiran murid; murid membersihkan diri dan menyalin pakaian; serta, guru masih berehat di kantin dan masuk kelas lewat). Pembaziran masa ini dapat dikurangkan sekiranya guru tidak lewat masuk kelas dan tandas murid di bengkel MPV-LN berfungsi dan boleh digunakan oleh semua murid MPV-LN serta ada bilik penyalinan di bengkel MPV-LN.

Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bermodul juga menentukan kejayaan pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah.

Memandangkan program MPV-LN lebih menekankan aktiviti amali (*hands-on*), maka didapati kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru MPV-LN ialah kaedah demonstrasi dan kaedah tunjuk ajar.

Dalam Pemerhatian 1, semasa Guru 1 mengajar tajuk melukis pelan, ia mendemonstrasikan bagaimana mengukur dengan menggunakan pembaris berskala kepada seorang murid MPV-LN sambil diperhatikan oleh murid-murid MPV-LN lain. Murid-murid yang sudah tahu bagaimana membuat ukuran tersebut diminta membimbing kawan-kawan lain (S1PM1). Semasa murid-murid membuat aktiviti, Guru 1 sentiasa menyoal muridnya dan ini diakui oleh muridnya dalam temu bual kerana ia berkata begini, "*Buat kerja, dia tanya*" (TBMS1, baris 138).

Guru 2, dalam Pemerhatian 1, semasa mengajar tajuk simen fero, mendemonstrasikan cara mengecat bahagian atas kerusi simen fero. Beliau berkata, "*Tengok baik-baik cara saya cat. Saya tak mahu tengok lubang-lubang pada permukaannya nampak tak dicat*". Guru 2 kemudian memantau kerja atau aktiviti muridnya dan memberikan tunjuk ajar seperti: "*Yang ini ok*", "*Yang ini nampak lubang*", "*Saya tak mahu tengok lubang-lubang ini*" dan "*Buat semula ini*" (S2PM1). Menurut Guru 2, beliau kena tunjukkan cara membuat sesuatu supaya muridnya faham. Dalam temu bual dengan Guru 2, beliau berkata, "*Kita beri arahan, dia tak faham, kita bagi tahu dia dua kali. Kita cakap, dia tak faham, kita tunjukkan. Memang macam itu*" (TBGS2, baris 275). Dalam Pemerhatian 2, didapati Guru 2 bergerak dari seorang murid ke seorang murid yang lain dan meneliti kerja mereka (aktiviti membuat buku folio), sambil memberikan tunjuk ajar kepada mereka (S2PM2). Kaedah tunjuk ajar ini

digunakan sehingga murid dapat membuat sesuatu yang disuruh itu dengan betul.

Semasa temu bual, muridnya berkata, *“Kita buat kerja, dia terangkan. Selagi benda yang dia nak itu tidak betul, dia suruh buat betul sampai dia puas hati”* (TBMS2, baris 431).

Guru 3 dalam Pemerhatian 1 (seperti Guru 1 dan Guru 2) menggunakan kaedah demonstrasi dan tunjuk ajar untuk menunjukkan murid-muridnya bagaimana membuat tangga pada tanah dan menggali lubang dengan mencangkul sendiri (S3PM1). Murid-murid berdiri sekeliling guru dan memerhatikan guru yang menunjukkan cara meletakkan batu untuk membuat tangga atas tanah (aktiviti penyenggaraan kawasan landskap) [S3PM2]. Ini diakui oleh murid dalam temu bual dengan berkata, *“Dia tunjukkanlah”* (TBMS3, baris 486).

Guru 4 juga menggunakan kaedah demonstrasi dan tunjuk ajar sebagai kaedah pengajaran utamanya. Ini dapat diperhatikan dalam Pemerhatian 1 (S4PM1), kerana apabila Guru 4 mendapati kerangka simen fero yang dibuat oleh seorang murid tidak betul, beliau menunjukkan cara membuat kerangka tersebut dengan betul, sambil diperhatikan oleh murid-murid lain. Guru menjelaskan perkara ini dalam temu bual dengan berkata, *“Jadi, katakan kali pertama saya dah ajar, bila tanya memang jawapan kosong. Jadi kali kedua ajar, itu pun tak tahulah. Saya kena tunjukkanlah. Maksudnya bila ajar, kena suruh pelajar buat, lepas itu kena tekankan dua tiga kali sehingga mereka faham”* (TBGS4, baris 630). Kaedah demonstrasi dan tunjuk ajar yang digunakan oleh Guru 4 diakui oleh muridnya dalam temu bual dengan berkata: *“Dia tunjukkanlah, buatlah kerangka macam mana”* (TBMS4, baris 696) dan *“Tunjuk pekerjaan”* (TBMS4, baris 699).

Kaedah demonstrasi dan tunjuk ajar juga merupakan kaedah utama yang digunakan oleh Guru 5 sepanjang proses pengajarannya. Ini dapat diperhatikan dalam Pemerhatian 1 apabila Guru 5 membawa masuk sebuah pokok kecil ke dalam kelas dan

membuat demonstrasi cara membuat tut. Pokok tersebut diletakkan di atas meja. Murid berdiri sekeliling meja tersebut dan memerhatikan demonstrasi tersebut oleh guru, yang juga menerangkan langkah demi langkah membuat tut (S5PM1). Murid-murid yang tidak membalut (aktiviti membuat tut) dengan betul, diminta oleh Guru 5 menanggalkan balutan tersebut dan Guru 5 menunjukkan cara membalut yang betul. Kemudian balutan yang dibuat oleh guru ditanggalkan dan murid diminta membalutnya semula sambil diperhatikan oleh guru (S5PM2). Kaedah pengajaran begini digemari oleh muridnya kerana ia membolehkan murid mudah memahami sesuatu aktiviti kerana dalam temu bual, murid berkata, “*Senang faham kalau cikgu mengajar. Macam mana pun, kalau dia suruh itu, dia buat dulu, dia tunjuk dulu*” (TBMS5, baris 1005).

Maka, dapat disimpulkan di sini bahawa kaedah pengajaran demonstrasi dan tunjuk ajar merupakan kaedah utama yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN oleh guru-guru MPV-LN. Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran tersebut memang sesuai untuk membuat aktiviti-aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN.

Pentaksiran Kompetensi

Pentaksiran kompetensi murid ialah satu elemen penting dalam pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana program MPV-LN lebih menekankan aktiviti amali (*hands-on*). Oleh itu, pentaksiran kompetensi yang dilakukan oleh guru MPV-LN di peringkat sekolah menentukan sama ada seseorang murid MPV-LN itu kompeten atau tidak.

Pentaksiran kompetensi seseorang murid MPV-LN dibuat apabila seseorang murid sudah bersedia untuk ditaksir dan boleh membuat sesuatu aktiviti yang hendak ditaksir itu, seperti kata Guru 2 (TBGS2, baris 242), “*Kita hanya taksir pelajar bila*

pelajar dah bersedia. Kita dah ajar dan dia dah faham dan dia boleh buat, baru kita taksir". Murid Sekolah 2 (TBMS2, baris 431) mengakui kenyataan yang dibuat oleh gurunya dengan berkata, *"Kita buat kerja, dia terangkan. Selagi benda yang dia nak itu tidak betul, dia suruh buat betul sampai dia puas hati"*.

Pentaksiran dibuat setelah murid boleh membuat latihan dan apa yang perlu ditaksir (kriteria pentaksiran), itu yang ditaksir. Misalnya, dalam pentaksiran tut, menurut Guru 5 (TBGS5, baris 975), *"Buat, mesti buat, buat latihan. Kalau tut, dia kena dedahkan. Dia buat sampai dia..macam benda itu berjaya, bukan berjaya hidup, maksud saya. Dia buat tut itu berjaya"*. Langkah-langkah yang diikuti oleh murid diambil kira semasa membuat pentaksiran seperti kata Guru 1 (TBGS1, baris 30), *"Jadi, memang buat itu step by step. Jadi yang siap balut itu, jadi complete"*. Kriteria pentaksiran yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia diikuti semasa mentaksir kompetensi murid. Misalnya, kata Guru 3 (TBGS3, baris 449), *"Ada kriteria dalam pentaksiran. Dia buat lorek, kita tick. Dia buat semua kriteria, maksudnya dia kompeten. Ada saja, kita tick"*.

Menurut Guru 4 (TBGS4, baris 625), hasil kerja murid menjadi rujukan sebelum mentaksir kompetensi seseorang murid MPV-LN. Beliau berkata, *"Ah..., saya tengok murid itu boleh buat aktiviti yang disuruh, macam tadi kerangka simen fero, maka saya anggap dia sudah kompeten membuat aktiviti tersebut"*. Begitu juga kata Guru 2 (TBGS2, baris 261), *"Masa saya tengok ikatan dia betul, bungkusannya betul, saya tanda pada buku lain dulu, kemudian tanda pada fail (borang kompetensi) kerana kita sudah tahu aspek-aspek dia kan"*. Hasil kerja itu boleh juga dalam bentuk proses dalam sesuatu aktiviti, seperti kata Guru 4 (TBGS2, baris 257), *"Yang itu, kita tengok proses dia. Proses itu, maksudnya, saiz lubang besar mana, sesuai dengan saiz pokok kan... dia taruh medium, tanah itu macam mana, campuran itu macam mana"*.

Maklum balas yang didapati daripada murid-murid MPV-LN menunjukkan bahawa hasil kerja menjadi rujukan utama guru MPV-LN untuk mentaksir kompetensi murid, seperti berikut :

“Cikgu tengok hasilnya” (TBMS2, baris 365),

“Semua sudah siap, baru cikgu tandakan” (TBMS4, baris 763),

“Daripada hasil kita buat” (TBMS1, baris 129),

“Boleh buat benda itu. Kena tunjuk (buat) pada dialah” (TBMS3, baris 576),

“Tengok kita punya kerjakan” (TBMS1, baris 130).

Murid-murid MPV-LN diberitahu terlebih dahulu tarikh dan masa pentaksiran seperti kata Guru 5 (TBGS5, baris 975), *“Kita kena memberitahu tarikh, masanya, kita buat pentaksiran tut. Jadi, budak secara automatik, dia akan tahu...Ok, kita tentukan pokok mana dia akan tut, dia akan buatlah. Jadi, kita sebagai faci (facilitator) masa itu. Kita tak ada lagi tunjuk-tunjuk dengan dia. Maksudnya, budak, memang dah tahu buat”*. Jadual pentaksiran kompetensi dipaparkan di bengkel MPV-LN (S1PM1, S2PM1, S3PM1, S4PM1, S5PM1).

Sekiranya seseorang murid itu tidak kompeten dalam sesuatu aktiviti, murid tersebut diberi peluang untuk membuat semula sesuatu aktiviti itu. Misalnya, kata Guru 4 (TBGS4, baris 625), *“...sekiranya belum kompeten, saya akan suruh dia membuat aktiviti tersebut semula dan kemudian tengok hasil kerjanya semula”*. Guru 1 (TBGS1) memberitahu bahawa sekiranya seseorang murid itu tidak kompeten, beliau akan menulis dalam borang pentaksiran yang dia tidak kompeten dan menyuruh murid itu membuat lain (hasil kerja). Contohnya, kata Guru 1 (TBGS1, baris 36), *“Khamis lepas, cat (aktiviti cat) dua orang tak kompeten. Dia tahu dia tak kompeten, kena repair balik”*.

Maka, murid-murid MPV-LN diberi tunjuk ajar serta diberi peluang untuk membuat semula sesuatu aktiviti sekiranya mereka tidak kompeten. Ini terbukti daripada maklum balas yang diperoleh daripada murid-murid MPV-LN seperti berikut :

“Buat semula, dia tunjuk, kalau tak kompeten” (TBMS1, baris 161),

“Apa yang tak complete. Mana yang tak complete, cikgu suruh buat balik” (TBMS2, baris 366),

“Dia suruh betulkan balik, baikilah, kemudian tunjuk balik” (TBMS3, baris 575),

“Cikgu beritahu dari segi mana salah dan suruh kita baikilah” (TBMS3, baris 577).

Pada keseluruhannya, didapati pentaksiran kompetensi dilaksanakan seperti yang dikehendaki. Murid-murid hanya ditaksir apabila mereka sudah bersedia untuk ditaksir. Hasil kerja dan proses menjalankan sesuatu aktiviti menjadi rujukan penting semasa mentaksir kompetensi seseorang murid MPV-LN. Sekiranya seseorang murid tidak kompeten, murid itu diberi tunjuk ajar oleh guru serta diberi peluang untuk membetulkan atau memperbaiki hasil kerja sebelum ditaksir semula. Maklumat pentaksiran seperti tarikh dan masa pentaksiran diberitahu terlebih dahulu dalam bentuk jadual pentaksiran yang dilekat pada papan kenyataan di bengkel MPV-LN.

Keselamatan

Keselamatan merupakan satu aspek penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam program MPV-LN di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana peserta-peserta program MPV-LN terlibat dalam banyak aktiviti amali (*hands-on*) yang memerlukan mereka menggunakan alat-alat tajam seperti pisau dan cangkul serta bahan-bahan kimia seperti racun serangga. Oleh itu, murid-murid MPV-LN menghabiskan banyak masa mereka di bengkel MPV-LN yang penuh dengan pelbagai mesin, peralatan, dan bahan kimia yang berbahaya seperti tersebut tadi. Justeru, aspek

keselamatan harus diutamakan pada setiap masa oleh setiap guru dan murid MPV-LN untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini seperti cedera parah atau kehilangan nyawa.

Dapatan pemerhatian menunjukkan bahawa aspek keselamatan kurang dititikberatkan. Misalnya, dalam Pemerhatian 1 di Sekolah 1 (S1PM1), kayu-kayu pendek (2 inci x 1 inci) terpakai dengan paku karatnya (tidak ditanggalkan atau dibengkokkan) dilonggokkan di sudut hadapan bengkel. Keadaan ini sungguh membahayakan murid-murid kerana mereka duduk bersebelahan longgokkan kayu semasa membuat aktiviti mereka. Penerangan tentang aspek keselamatan tidak diberi oleh guru dalam Pemerhatian 1 (S1PM1) dan Pemerhatian 2 (S1PM2). Semasa pemerhatian, pengkaji mendapati tiada sebarang penerangan diberi tentang aspek keselamatan. Penerangan tentang aspek keselamatan hanya diberi pada awal tahun kerana dalam temu bual, Guru 1 (di Sekolah 1) berkata, "*Awal tahun. Penerangan tentang keselamatan dibuat awal tahun*" (TBMS1, baris 201).

Hampir separuh murid (9 orang murid daripada 21 orang murid) didapati tidak menukar pakaian seragam sekolah mereka dan menjalankan aktiviti mengecat kerusi dan meja simen fero tanpa memakai sarung tangan semasa Pemerhatian 1 di Sekolah 2 (S2PM1). Kecederaan pada kulit boleh berlaku apabila terkena cat yang merupakan bahan kimia. Dalam temu bual, didapati pemakaian sarung tangan tidak dikuatkuasakan kerana Guru 2 (di Sekolah 2) berkata, "*Bergantung kepada pelajar. Pelajar tak selesa pakai. Pelajar tak berapa minatlah pakai sarung. Kalau dia minta, kita beri*" (TBGS2, baris 273).

Dalam Pemerhatian 1 di Sekolah 3 (S3PM1) pula, didapati semasa murid-murid berjalan aktiviti penyenggaraan kawasan landskap, murid-murid menyembur baja kimia pada pokok bunga tanpa menutup muka dan memakai sarung tangan. Mereka juga menjalankan aktiviti penyemburan baja kimia ini tanpa menghiraukan rakan

mereka yang berada berdekatan dengan mereka. Keadaan ini sungguh bahaya kerana baja kimia boleh mengancam nyawa murid sekiranya dihidu. Diperhatikan (S3PM1) murid-murid membuat aktiviti menggali lubang dengan menggunakan cangkul dan alat penggali lubang tanpa memakai but (kasut yang disediakan di bengkel). Situasi ini boleh membawa kecederaan parah kepada murid-murid tersebut. Menurut Guru 3 (di Sekolah 3), murid-murid kena jaga diri masing-masing kerana beliau berkata, *“Tentang keselamatan, bergantung kepada pelajar. Pelajar-pelajar sendiri kena dirilah. Saya dah beritahu arahan awal tahun, kalau cedera pun, pasal kesalahan teniklah. Kerja-kerja ini memang bahaya, kerja-kerja MPV ini, terutamanya, di tapak landskap kerana ada besi...”* (TBGS3, baris 474).

Guru MPV-LN di Sekolah 4 juga kurang mengambil berat aspek keselamatan semasa aktiviti dijalankan. Ini dapat di perhatikan dalam Pemerhatian 1 dan Pemerhatian 2 (S4PM1) kerana kesemua murid tidak memakai sarung tangan yang ada di bengkel semasa memotong dawai besi untuk membuat rangka simen fero. Murid-murid duduk berdekatan semasa membuat aktiviti tersebut dan ada murid yang duduk membelakangkan satu sama lain sambil memegang dawai besi yang panjang. Keadaan boleh menyebabkan murid-murid mendapat cedera parah tanpa disedari. Dalam Pemerhatian 1 (S4PM1), juga diperhatikan seorang murid menaiki tangga dengan memegang besi tebal (berdiameter 2 cm) yang panjang (lebih kurang 3.5 meter) untuk diletakkan di atas tiang besi yang tinggi (lebih kurang 2.5 meter) sambil mengusik dua orang rakannya yang lain. Mereka terlibat dalam aktiviti membuat cendawan gergasi. Aktiviti ini yang berlaku tanpa pemantauan guru kerana beliau pada masa itu sedang memantau sekumpulan murid lain nampak sungguh berbahaya, yang boleh mengakibatkan cedera parah.

Aspek keselamatan juga kurang dititikberatkan di Sekolah 5. Dalam Pemerhatian 1 di Sekolah 5 (S5PM1), pembantu bengkel sedang membakar sampah di

tengah kawasan nurseri semasa murid-murid sedang membuat tut di sana. Pembakaran sampah secara terbuka yang mengeluarkan asap tebal boleh menjejaskan kesihatan murid. Guru juga tidak memberikan sebarang penerangan atau amaran tentang cara penggunaan pisau tut sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (S5PM1, S5PM2). Penerangan tentang cara penggunaan pisau secara selamat harus diberikan sekurang-kurangnya pada awal pelajaran untuk mengelakkan kecederaan berlaku pada murid kerana pisau tut itu sangat tajam. Dua alat pemadam api (fire extinguisher) terletak di atas lantai di belakang bengkel dan salah satu daripadanya tidak berfungsi (S5PM1). Alat-alat pemadam api sepatutnya di pasang pada dinding. Di Sekolah 5, didapati bahan kimia disimpan bersama-sama dengan bahan dan peralatan lain (S5PM1). Perkara ini diakui oleh Guru 5 (di Sekolah 5) semasa temu bual dengannya. Beliau berkata, *“Campur, kita tak ada ruang khusus. Kita campurlah semua ... Kita tak ada. Stor pun tak ada. Saya cuma letak stor kimia itu campur dengan barang. Kalau saya letak almari dalam itu, sempit. Stor ini storlah tetapi tak lengkaplah. Spacanya tak mencukupi. Macam stor saya ini, tak cukup. Cangkul, dia ada 25. Tong penyembur lagi”* (TBGS5, baris 951). Dalam Pemerhatian 1 (S5PM1), semua murid menjalankan aktiviti amali di nurseri dengan pakaian seragam sekolah mereka dan apabila ditanya kenapa mereka tidak menukar pakaian, Guru 5 berkata, *“Sebenarnya kena tukar baju tapi malas. Memang dia orang buat macam ini”* (TBGS5,baris 921).

Secara keseluruhannya, aspek keselamatan tidak ditekankan dan dititikberatkan oleh guru dan murid MPV-LN, terutamanya semasa aktiviti amali dilaksanakan. Perkara ini tidak harus berlaku. Aspek keselamatan perlu diutamakan dalam aktiviti amali MPV-LN kerana ia melibatkan penggunaan bahan dan peralatan atau mesin yang bahaya seperti bahan kimia, baja yang beracun, pisau yang tajam serta dawai besi yang tajam. Aspek keselamatan yang sepatutnya diterangkan kepada murid MPV-LN dan

diingatkan setiap masa hanya diterangkan pada awal tahun sahaja (permulaan program MPV-LN).

Interaksi Guru-Murid

Interaksi antara guru dengan murid juga merupakan satu aspek penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam program MPV-LN di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana dalam program MPV-LN, kebanyakan masa murid terlibat dalam aktiviti amali (*hands-on*) di bawah pemantauan dan tunjuk ajar guru. Interaksi yang baik dan harmoni antara guru dengan murid membolehkan murid memahami aktiviti yang dilakukannya dengan baik serta berminat membuat aktiviti tersebut.

Dapatan pemerhatian di semua sekolah (Sekolah 1, Sekolah 2, Sekolah 3, Sekolah 4, Sekolah 5) menunjukkan bahawa interaksi antara guru dengan murid dalam pelaksanaan program MPV-LN adalah baik. Misalnya, dalam Pemerhatian 1 di Sekolah 1 (S1PM1), semasa guru memberikan tunjuk ajar dan arahan kepada murid-muridnya di tapak projek, beliau menegur murid-murid yang tidak mendengar penerangannya. Mereka diminta datang dekat dengannya untuk mendengar arahnya. Murid-murid, sambil berinteraksi sesama mereka, bertanya guru apabila mereka tidak faham. Guru bergerak sambil meneliti lukisan murid (aktiviti melukis pelan landskap) seorang demi seorang dan murid yang tidak melukis dengan betul diberi tunjuk ajar (S1PM2).

Pemerhatian 1 di Sekolah 2 (S2PM1) juga menunjukkan bahawa interaksi guru dan murid adalah baik. Dalam Pemerhatian 1, semasa aktiviti membuat simen fero, guru duduk bersama-sama dengan muridnya di atas lantai, menegur dan memberitahu kesilapan mereka. Beliau juga kadang-kadang bergurau dengan mereka. Murid-murid kelihatan seronok melakukan aktiviti mereka. Keadaan yang sama juga berlaku di

Sekolah 3 (S3PM1), semasa aktiviti secara kumpulan berlaku, guru bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain. Murid-murid sentiasa bertanya guru mereka sama ada aktiviti yang dilakukan itu betul atau tidak. Begitu juga di Sekolah 4 (S4PM2), interaksi antara guru dengan murid adalah baik. Murid yang tidak hadir pada hari semalam ditanya khabar dan kemudian guru menunjukkan cara membuat rangka simen fero secara khusus kepada murid itu, iaitu aktiviti yang tidak dipelajarinya semalam. Begitu juga di Sekolah 5 (S5PM2), guru mendekati dan menegur setiap murid semasa mereka membuat aktiviti pembiakan secara tut pada pokok. Contohnya, guru membimbing seorang murid membuat semula balutan dan kemudian beliau memuji murid tersebut.

Maka, pada keseluruhannya, interaksi antara guru dengan murid adalah baik dan harmoni. Murid-murid kelihatan seronok menjalankan aktiviti mereka. Program MPV-LN yang lebih menekankan aktiviti amali (*hands-on*) menyumbang kepada keadaan positif ini. Bilangan murid yang kecil (secara purata 20 orang) serta masa pengajaran dan pembelajaran yang panjang [secara purata 3 waktu (120 minit)] juga membolehkan guru berinteraksi dan mengenali setiap murid dengan baik.

Masalah Guru dan Murid MPV-LN

Hasil temu bual dengan guru dan murid MPV-LN menunjukkan bahawa guru dan murid MPV-LN juga menghadapi beberapa masalah dalam pelaksanaan program MPV-LN seperti berikut:

a) Murid MPV-LN Lemah dari Segi Akademik

Guru-guru MPV-LN menyatakan bahawa murid MPV-LN yang lemah dari segi akademik merupakan suatu masalah utama yang dihadapi oleh mereka dalam pelaksanaan program MPV-LN. Misalnya, Guru 4 berkata, “*Masalah utamanya, pelajar ini terlalu lemah dan tidak boleh baca*” (TBGS4, baris 611). Guru 1 pula kata, “*Teori, jawab soalan memang dia tidak erti*” (TBGS4, baris 40). Murid-murid MPV-LN lemah dari segi akademik. Perkara ini dijelaskan oleh Guru 5, “*Majoriti dekat sini pelajar yang kita ada memang amat lemah. Kelas ini 23 orang. Hanya seorang saja yang dapat 1A dalam PMR. Yang lain itu majoriti C ke bawah*” (TBGS5, baris 889).

Guru 3 juga menghadapi masalah ini pada awalnya tetapi masalah ini dapat diselesaikannya apabila beliau memilih murid yang berminat sahaja mengambil MPV-LN. Beliau menjelaskan, “*... mula-mula saya mengajar, saya dapat, lepas PMR, 20 orang student, list last sekali. Perkara ini sepatutnya tak boleh kerana kejayaan pelaksanaan MPV ini bergantung kepada pelajar. Maksudnya, kita kena pilih pelajar-pelajar yang memang kelas hujung, kurang akademik tetapi berminat. Kalau kita paksa, tak boleh. Saya buat pengumuman atau taklimat, siapa yang berminat, jadi alhamdulillah, kerja-kerja pun siap, projek-projek LN dapat dihabiskan*” (TBGS3, baris 456). Menurut Guru 1, walaupun murid-murid MPV-LNnya lemah tetapi ia tidak menjadi satu masalah kerana mereka memang berminat. Katanya, “*Tidak juga (menjadi satu masalah) kerana mereka minat. Budak bijak, susah nak keluarkan tenaganya. Contohnya 3 budak pendidikan khas tadi, pagi tadi dia sudah sampai. Dia memang minat walaupun keupayaannya kurang. Tetapi dia mahu... (belajar)*” (TBGS1, baris 22).

b) Kekurangan Kemudahan Bengkel

Kemudahan bengkel, terutamanya ruang kerja yang sempit merupakan satu lagi masalah dikemukakan oleh guru dan juga murid MPV-LN. Kata Guru 4, *“Tempat pelajar buat kerja tak cukup. Patut ada ruang yang lapang supaya 25 orang pelajar dapat buat kerja”* (TBGS4, baris 632). Guru 5 juga sependapat dengan Guru 4. Beliau menjelaskan, *“Keadaan bengkel saya ini memang sempit sebab kita tak ada ruang aktiviti kerja”* (TBGS5, baris 909). Murid MPV juga menyokong, *“Ruanglah. Ruang nak buat kerja kan. Macam ini sempit kan”* (TBMS5, baris 1091).

Selain ruang kerja yang sempit, ruang stor yang sempit di bengkel juga merupakan satu lagi masalah yang dihadapi oleh guru MPV-LN. Ruang stor dikatakan tidak cukup dan ada guru membesarkan stor atas inisiatif sendiri seperti kata Guru 2, *“Dari segi kemudahan bengkel. Macam ini ok sedikitlah sebab saya minta PAR buat setor di belakang. Setor memang tak cukup”* (TBGS, baris 304). Bahkan Guru 5 mendakwa ada sekolah tiada stor langsung. Kata Guru 5, *“Ada sekolah tak ada stor. Dari segi prasarana bangunan, memang tak lengkap. Satu Malaysia saya rasalah. Hampir, orang kata 80% (daripada semua sekolah) tak lengkap, tak menepati (prasarana bangunan)”* (TBGS5, baris 953).

c) Murid MPV-LN dilarang Menggunakan Tandas di Bengkel MPV-LN

Tandas di bengkel yang tidak boleh digunakan merupakan satu masalah yang dihadapi oleh murid MPV-LN. Murid MPV-LN mendakwa, *“Tandas ini (di bengkel) tak boleh pakai. Untuk dia orang (guru) sahaja”* (TBMS2, baris 384). Bahkan ada tandas ditukar menjadi stor, kata Murid 5, *“Tandas dekat sini dijadikan stor”* (TBMS5, baris 1077). Begitu juga tiada tempat untuk menyalin baju, seperti dijelaskan oleh seorang murid:

“Salin baju tak ada tempat. Nak pergi dekat sana tandas... kalau nak pergi tandas, pergi jauhlah” (TBMS4, baris 733).

d) Kekurangan Perkhidmatan Penyenggaraan

Seterusnya, kekurangan perkhidmatan penyenggaraan merupakan satu lagi masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Perkara ini dijelaskan oleh Guru 3, *“Kalau dari segi penyenggaraan, contohnya kan, saya dah 6 tahun pelaksanaan, maintenance tak turun. Dari segi repair enjin ke, saya repair sendiri dengan duit sekolah. Tak ada pun penyenggaraan”* (TBGS3, baris 466). Oleh itu, Guru 2 bergantung kepada pembantu bengkelnya untuk menjalankan penyenggaraan. Katanya, *“Cuma saya punya PAR (pembantu bengkel) ini pandailah, serviske, tukarke. Mesin rumput pun, satu tak berfungsi”* (TBGS2, baris 295).

Maklumat-maklumat yang diberikan oleh murid-murid MPV-LN seperti: *“Susah geraklah, rosak, kena angkat.. Tayarnya tak eloklah”* (TBMS3, baris 539); *“Tak boleh jalan (rujuk kpd mesin pembancuh simen)”* (TBMS4, baris 743); *“Kita tolak kereta sorong, tayar ada bocor. Kena ganti baru”* (TBMS5, 1041); dan, *“Rosaklah (tandas)”* (TBMS5, 1084) menunjukkan kekurangan perkhidmatan penyenggaraan dalam pelaksanaan program MPV-LN. Kekurangan penyenggaraan ini menyebabkan kekurangan peralatan. Kata Murid 5, *“Ah, bila peralatan rosak, tak baiki, tak cukup peralatanlah”* (TBMS5, baris 1037).

e) Pembantu Bengkel yang Kurang Cepak

Pembantu bengkel yang kurang cepak juga menjadi satu masalah kepada guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Kata Guru 4, *“Pada hal pembantu*

ada tetapi pembelian semua cikgu buat. Buku stok cikgu yang buat, yang simpan pun cikgu yang buat. Jadi sangat memenatkan” (TBGS4, baris 641). Pembantu bengkel yang kurang cekap dan malas menyebabkan pokok-pokok di nurseri tidak dapat dijaga dengan baik. Perkara ini dijelaskan oleh Guru 4, *“Kurang cekap, bila beritahu, baru buat. She only waters the plants. Actually, all she must maintain, what!. She is not doing anything. She supposed to be here until 4.30 working. Now she went to restlah... Pada hal guru mata pelajaran perlu mengajar mengikut silibus. Jadi, nurseri itu tidak diambil perhatian. Jadi, pokok-pokok tidak dijaga dengan rapi”* (TBGS4, baris 598, 645).

Cadangan Menambah Baik Pelaksanaan Program MPV-LN di Sekolah oleh Guru dan Murid MPV-LN

Dalam perbincangan mengenai cadangan menambah baik pelaksanaan program MPV-LN di sekolah, guru dan murid MPV-LN juga mengemukakan beberapa cadangan menambah baik pelaksanaan program MPV-LN di sekolah seperti berikut:

a) Meluaskan Ruang Belajar dan Ruang Kerja

Guru dan murid MPV-LN mencadangkan ruang belajar dan ruang kerja dibesarkan seperti kata Guru 5, *“Perlu ada ruang belajar yang boleh memuatkan untuk 25 orang pelajar Sepatutnya 3 bay, sebenarnya atau pun yang paling kecil pun 2 bay tetapi yang saya dapat ini 1 bay yang dia bahagi dua”* (TBGS5, baris 935). Murid MPV-LN juga mencadangkan supaya ia dibesarkan, seperti kata Murid S2, *“Tempat ini sempitlah. Perlu besarkan”* (TBMS2, baris 421). Begitu juga, kata Murid S1, *“Kembangkan lagi, baiki lagi (luaskan ruang kerja)”* (TBMS1, baris 183).

b) Mengadakan Lebih Banyak Kursus MPV-LN untuk Meningkatkan Kemahiran Guru MPV-LN

Guru MPV-LN juga mencadangkan lebih banyak kursus diberi untuk meningkatkan kemahiran guru MPV-LN. Perkara ini dijelaskan oleh Guru 5, *“Macam sayalah dan beberapa orang guru di Negeri Sembilan ini menghadapi masalah nak membuat model LN kerana tidak ada kepakaran”* (TBGS5, baris 989). Begitu juga, kata Guru 4, *“Saya kurang pengetahuan dari segi menguruskan stok. Buku stok dan menyusun dan mengurus stok saya kurang pandai. Penyelenggaraan alat pun saya kurang pandai”* (TBGS4, baris 637).

Kursus untuk guru MPV-LN harus diberi oleh Jabatan Pertanian atau pihak swasta dan memuatkan konsep-konsep terkini dalam landskap dan nurseri. Perkara ini dijelaskan oleh Guru 3, *“Guru-guru perlu dihantarlah ke kursus-kursus yang bukan sepatutnya di kalangan guru-guru yang buat. Maksudnya, Jabatan Pertanian buat ke atau kalau ada pihak swasta ke yang ada buat reka bentuk landskap, baru guru boleh mahir. Pakai konsep-konsep terkini. Konsep-konsep macam itulah perlu ada kursus... Macam konsep edible landskap”* (TBGS3, baris 458, 462).

c) Mengubahsuai Modul Pembelajaran MPV-LN Mengikut Masa Terkini

Cadangan seterusnya ialah mengubahsuai modul pembelajaran mengikut masa terkini supaya ia lebih menyeluruh. Kata Guru 5, *“Maksudnya, kalau dia buat fountain, dia tahu penyambungan elektrik dan juga peparitan sebab dia nak buat air terjun kan. Dia nak buat fountain, dia ada struktur air, elemen air kan, jadi, dia (modul) kata macam mana nak buat sistem paip. Jadi, saya rasa 3 tajuk perlu dimasukkan; perabut taman, pendawaian elektrik asas dan juga peparitan asas, dimasukkan. Barulah, lengkaplah kita punya landskap dan nurseri. Kalau tidak, tak lengkap”* (TBGS5, baris 907).

Modul pembelajaran harus dikemaskinikan dengan unsur-unsur terkini.

Contohnya dalam pembuatan simen fero, kata Guru 3, *“Penggunaan mould tak ada dalam modul pembelajaran. Jadi swasta ada mould, simen fero nya semuanya sama saiz, kuat baru boleh jual, baru boleh market. Kita guna cara lain, kualiti tak ada. Macam mana kita nak produce pelajar kita supaya bila dia keluar SPM, dia boleh berniaga dan mengeluarkan produk-produk yang berkualiti. Itu yang saya maksudkan. Konsep-konsep LN banyak yang terkini”* (TBGS3, baris 460).

Menurut Guru 4, modul pembelajaran hanya menerangkan kaedah lama dan bukan kaedah baru. Katanya, *“sekarang sudah ada cara yang canggih. Sekarang, katakan cara penanaman tut pun dah lain, bahan yang digunakan lain, teknik kaedah barunya dah lain tetapi dalam modul ini, mereka masih menggunakan cara lama. Macam contoh, simen fero ini dianggap kaedah lama, sekarang, mereka gunakan fiber glass untuk membuat meja dan kerusi. Jadi meja kerusi simen fero ini (guru merujuk kepada produk simen fero di nurseri) pun dianggap ketinggalan”* (TBGS4, baris 592). Pandangan ini dikongsi oleh Guru 5. Katanya, *“Pembiakan tumbuhan ini ada lebih banyak cara lagi dan dia boleh belajar dekat tempat luar dan kadang-kadang kita bagi pada pelajar ini pun hanya basic dan ada sikit saya buat penambahan yang saya belajar dekat luar-luar itu tapi macam cikgu tak terkinilah sebab yang di luar itu ada lebih terkini, macam tisuculture kan. Kita tak boleh buat tisuculture dekat sini. Jadi, sekurang-kurangnya budak tahu pembiakan ini bukan hanya tanam atas tanah, kita boleh atas jel atau apa ke, kita boleh buat .. Kalau dapat yang itu, saya rasa pelajar mpv semua kerja sendirilah”* (TBGS5, baris 987).

Maklumat yang ada dalam modul pembelajaran dikaji semula supaya maklumat yang dimuatkan dalam modul pembelajaran boleh dipraktikkan. Kata Guru 3, *“2 tanah loam, 1 pasir sungai dan 1 bahan organik tetapi bila kita campur itu, biji kasar boleh*

jadi sebab ia kuat tapi bagi benih halus, tak berapa sesuai sebab itu, ia tak boleh hidup. Jadi perlukan kajian semula” (TBGS3, baris 443).

d) Mendedahkan Murid kepada Pengalaman Praktikal di luar Sekolah

Guru MPV-LN juga mencadangkan pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bergabung dengan agensi luar seperti nurseri swasta untuk memberikan pengalaman praktikal lebih kepada murid pada masa cuti sekolah. Ini dijelaskannya oleh Guru 5, *“apa salahnya kalau jabatan, bukan jabatanlah, PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) bergabung dengan, katakan satu nurseri di mana waktu cuti, masa 2 minggu, 3 minggu ke yang panjang, macam hujung tahun ini, bagi peluang budak ini macam praktikal” (TBGS5, baris 985).*

Secara keseluruhannya, pelajar MPV-LN yang lemah dari segi akademik, kekurangan kemudahan bengkel (seperti ruang kerja dan stor yang sempit, ketiadaan tandas guru), kekurangan perkhidmatan penyenggaraan dan peralatan serta pembantu bengkel yang tidak cekap merupakan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Selaras dengan itu, guru MPV-LN mencadangkan bengkel MPV-LN dibesarkan. Guru-guru MPV-LN juga diberi kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka. Di samping itu, modul pembelajaran haruslah diubahsuai mengikut masa kini dan murid-murid MPV-LN diberi lebih banyak pengalaman praktikal. Begitu juga, murid MPV-LN mendapati ruang kerja di bengkel sempit dan perlu diluaskan. Selain itu, tandas dan bilik penyalinan untuk murid MPV-LN diadakan di bengkel. Di samping itu, murid juga meminta peralatan yang rosak seperti tayar kereta sorong diganti.

Soalan Kajian 5

Sejauh manakah murid berpeluang melakukan aktiviti dalam modul MPV-LN mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN?

Analisis aspek peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan murid MPV-LN adalah berpandukan kepada Jadual 4.41. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.41

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Peluang Melakukan Aktiviti Mengikut Keupayaan Murid MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|-------------|--------------|--------------|---------------|---------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Saya tidak didesak oleh guru melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN dengan cepat (64) | 5.6 (18) | 9.3 (30) | 11.5 (37) | 42.4 (136) | 31.2 (100) | 3.84 | 1.13 |
| Saya dibenarkan oleh guru membuat aktiviti seterusnya dalam modul pembelajaran MPV-LN hanya selepas saya menyelesaikan tugas lepasan saya (69) | 2.5 (8) | 9.3 (30) | 19.6 (63) | 43.0 (138) | 25.5 (82) | 3.80 | 1.01 |
| Saya tidak didesak oleh guru melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN dengan cepat kerana murid lain sudah habis melakukan aktiviti tersebut (65) | 7.5 (24) | 13.4 (43) | 6.2 (20) | 40.2 (129) | 32.7 (105) | 3.77 | 1.25 |
| Saya dibenarkan oleh guru melakukan aktiviti amali MPV-LN mengikut kebolehan fizikal saya (seperti menggali lubang, membancuh simen) (66) | 1.9 (6) | 10.3 (33) | 18.7 (60) | 47.4 (152) | 21.8 (70) | 3.77 | .97 |
| Saya dibenarkan oleh guru melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN mengikut gaya pembelajaran saya (cepat atau perlahan) (67) | 5.3 (17) | 13.1 (42) | 15.0 (48) | 34.6 (111) | 32.1 (103) | 3.75 | 1.19 |
| Saya dibenarkan membuat semula mana-mana bahagian dalam modul pembelajaran MPV-LN yang sukar (68) | 2.5 (8) | 9.0 (29) | 28.7 (92) | 39.3 (126) | 20.6 (66) | 3.67 | .98 |

(Jadual 4.41, sambungan)

| | | | | | | | | |
|---|-----|---------------------------|--------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| Saya dibenarkan oleh guru membuat aktiviti seterusnya dalam modul pembelajaran MPV-LN walaupun murid-murid lain belum menyelesaikan tugas lepasan mereka (70) | | 6.9 (22) | 18.7 (60) | 21.8 (70) | 34.3 (110) | 18.4 (59) | 3.39 | 1.18 |
| Bilangan Murid : 321 | | Purata : | | | | | 3.71 | 1.10 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | | |

Jadual 4.41 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaannya dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan murid dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN ialah 3.71 dan 1.10. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka berpeluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN. Secara khususnya, item 64 menunjukkan murid MPV-LN tidak didesak oleh guru melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN dengan cepat (min = 3.84; SP = 1.13). Murid MPV-LN juga bersetuju (item 69; min = 3.80; SP = 1.01) bahawa murid dibenarkan oleh guru membuat aktiviti seterusnya dalam modul pembelajaran MPV-LN hanya selepas murid menyelesaikan tugas lepasannya. Selain itu, responden juga bersetuju dengan item-item berikut, iaitu murid tidak didesak oleh guru melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN dengan cepat kerana murid lain sudah habis melakukan aktiviti tersebut (item 65; min = 3.77; SP = 1.25); murid dibenarkan oleh guru melakukan aktiviti amali MPV-LN mengikut kebolehan fizikal murid (seperti menggali lubang, membancuh simen) [item 66; min = 3.77; SP = 0.97]; murid dibenarkan oleh guru melakukan aktiviti dalam

modul pembelajaran MPV-LN mengikut gaya pembelajaran murid (cepat atau perlahan) [item 67; min = 3.75; SP = 1.19]; dan murid dibenarkan membuat semula mana-mana bahagian dalam modul pembelajaran MPV-LN yang sukar (item 68; min = 3.67; SP = .98).

Sungguhpun demikian, murid MPV-LN tidak pasti dengan satu aspek iaitu murid dibenarkan oleh guru membuat aktiviti seterusnya dalam modul pembelajaran MPV-LN walaupun murid-murid lain belum menyelesaikan tugas lepasan mereka (item 70; min = 3.39; SP = 1.18). Sisihan piawai untuk item 70 agak tinggi (SP = 1.18) menunjukkan persepsi murid terhadap item tersebut agak berbelah bahagi.

Ketidakpastian murid MPV-LN terhadap item 70 wujud mungkin kerana murid MPV-LN kurang memberikan perhatian kepada perkembangan rakannya. Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.41, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka diberi peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN memandangkan nilai min puratanya ialah 3.71 berada di antara min 3.41 – 4.20.

Soalan Kajian 6

Sejauh manakah program MPV-LN membantu murid MPV-LN dalam mengetahui tanggungjawab dan hak mereka dalam proses pentaksiran kompetensi MPV-LN?

Analisis aspek tanggungjawab dan hak murid dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN adalah berpandukan kepada Jadual 4.42. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

Jadual 4.42

Persepsi Murid MPV-LN terhadap - Tanggungjawab dan Hak Murid dalam Pentaksiran Kompetensi MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|-------------|--------------|--------------|---------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Murid MPV-LN hendaklah menunjukkan bahan bukti yang ia telah kompeten bagi sesuatu bidang yang ditaksir (76) | 1.2 (4) | 2.5 (8) | 19.6 (63) | 46.7 (150) | 29.9 (96) | 4.02 | .84 |
| Murid MPV-LN harus berbincang dengan guru MPV-LN tentang pelaksanaan pentaksiran (75) | 1.9 (6) | 2.8 (9) | 20.9 (67) | 47.7 (153) | 26.8 (86) | 3.95 | .87 |
| Murid MPV-LN harus mengetahui kriteria-kriteria yang ditaksir (72) | 1.9 (6) | 3.7 (12) | 26.5 (85) | 46.1 (148) | 21.8 (70) | 3.82 | .88 |
| Bukti yang ditunjukkan oleh murid MPV-LN boleh dalam bentuk produk (78) | 1.2 (4) | 6.2 (20) | 22.1 (71) | 51.1 (164) | 19.3 (62) | 3.81 | .86 |
| Bukti yang ditunjukkan oleh murid MPV-LN boleh dalam bentuk proses (77) | 1.9 (6) | 6.5 (21) | 22.1 (71) | 49.5 (159) | 19.9 (64) | 3.79 | .90 |
| Murid MPV-LN harus mengetahui kaedah penskoran(cara pemberian markah) dalam proses pentaksiran (73) | 1.9 (6) | 6.9 (22) | 25.5 (82) | 44.2 (142) | 21.5 (69) | 3.77 | .93 |
| Murid MPV-LN harus mengetahui jenis bukti yang dikumpul untuk dihakimi (74) | 3.1 (10) | 7.5 (24) | 23.7 (76) | 43.3 (139) | 22.4 (72) | 3.74 | .99 |
| Murid MPV-LN boleh mengulangi pentaksiran yang belum diakui kompeten (84) | 4.4 (14) | 8.1 (26) | 24.3 (78) | 35.5 (114) | 27.7 (89) | 3.74 | 1.08 |
| Murid MPV-LN berhak dimaklumkan keputusan pentaksiran selepas pentaksiran dijalankan (82) | .9 (3) | 9.7 (31) | 27.1 (87) | 43.0 (138) | 19.3 (62) | 3.70 | .92 |
| Murid MPV-LN boleh memohon untuk ditaksir semula sekiranya ia belum kompeten dalam sesuatu kriteria atau kompetensi (83) | 3.1 (10) | 7.8 (25) | 29.0 (93) | 36.8 (118) | 23.4 (75) | 3.69 | 1.01 |
| Murid MPV-LN boleh meminta untuk ditaksir apabila ia telah bersedia (81) | 4.0 (13) | 7.5 (24) | 27.1 (87) | 46.4 (149) | 15.0 (48) | 3.61 | .97 |
| Murid MPV-LN wajib menghadiri taklimat MPV-LN di peringkat sekolah (71) | 5.0 (16) | 11.2 (36) | 25.5 (82) | 37.4 (120) | 20.9 (67) | 3.58 | 1.09 |
| Murid MPV-LN hendaklah melaksanakan aktiviti secara individu tanpa bantuan rakan bagi setiap kompetensi yang ditaksir (80) | 5.3 (17) | 12.8 (41) | 26.5 (85) | 38.6 (124) | 16.8 (54) | 3.49 | 1.08 |

(Jadual 4.42, sambungan)

| | | | | | | | |
|---|-------------|---------------------------|----------------|---------------|--------------|------|------|
| Murid MPV-LN hendaklah melaksanakan aktiviti secara individu tanpa bantuan guru bagi setiap kompetensi yang ditaksir (79) | 5.6 (18) | 16.2 (52) | 28.0 \$(90) | 34.6 (111) | 15.6 (50) | 3.38 | 1.10 |
| Bilangan Murid : 321 | Purata : | | | | | 3.72 | .97 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.42 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada murid MPV-LN yang menunjukkan persetujuan murid MPV-LN terhadap pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak murid dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak murid dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN ialah 3.72 dan .97. Min menunjukkan secara umumnya, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak mereka dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN. Murid MPV-LN bersetuju (item 76; min = 4.02; SP = .84) bahawa murid MPV-LN hendaklah menunjukkan bahan bukti yang ia telah kompeten bagi sesuatu bidang yang ditaksir. Murid MPV-LN juga bersetuju bahawa murid MPV-LN harus berbincang dengan guru MPV-LN tentang pelaksanaan pentaksiran (item 75; min = 3.95; SP = .87).

Selain itu, murid MPV-LN juga bersetuju bahawa murid MPV-LN harus mengetahui kriteria-kriteria yang ditaksir (item 72; min = 3.82; SP = .88). Responden juga bersetuju dengan item-item berikut, iaitu bukti yang ditunjukkan oleh murid MPV-LN boleh dalam bentuk produk (item 78; min = 3.81; SP = .86); bukti yang ditunjukkan oleh murid MPV-LN boleh dalam bentuk proses (item 77; min = 3.79; SP = .90); murid MPV-LN harus mengetahui kaedah penskoran (cara pemberian markah) dalam proses pentaksiran (item 73; min = 3.77; SP = .93); murid MPV-LN harus mengetahui jenis

bukti yang dikumpul untuk dihakimi (item 74; min = 3.74; SP = .99); murid MPV-LN boleh mengulangi pentaksiran yang belum diakui kompeten (item 84; min = 3.74; SP = 1.08); murid MPV-LN berhak dimaklumkan keputusan pentaksiran selepas pentaksiran dijalankan (item 82; min = 3.70; SP = .92); dan murid MPV-LN boleh memohon untuk ditaksir semula sekiranya ia belum kompeten dalam sesuatu kriteria atau kompetensi (item 83; min = 3.69; SP = 1.01). Seterusnya, murid MPV-LN juga berpengetahuan bahawa murid MPV-LN boleh meminta untuk ditaksir apabila ia telah bersedia (item 81; min = 3.61; SP = .97); murid MPV-LN wajib menghadiri taklimat MPV-LN di peringkat sekolah (item 71; min = 3.58; SP = 1.09); dan murid MPV-LN hendaklah melaksanakan aktiviti secara individu tanpa bantuan rakan bagi setiap kompetensi yang ditaksir (item 80; min = 3.49; SP = 1.08).

Namun begitu, min untuk item 79 menunjukkan murid MPV-LN tidak pasti bahawa murid MPV-LN hendaklah melaksanakan aktiviti secara individu tanpa bantuan guru bagi setiap kompetensi yang ditaksir (item 79; min = 3.38; SP = 1.10). Sisihan piawai untuk item 79 agak tinggi (SP = 1.10) menunjukkan persepsi murid MPV-LN terhadap item 79 agak berbelah bahagi. Ketidakpastian murid MPV-LN tentang item 79 wujud mungkin kerana guru MPV-LN tidak menjelaskan tanggungjawab dan hak murid MPV-LN dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN secara sepenuhnya. Pada keseluruhannya, berdasarkan Jadual 4.42, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak mereka dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN memandangkan nilai min puratanya iaitu 3.72 berada di antara min 3.41 – 4.20.

Soalan Kajian 7

Apakah faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah?

Untuk menjawab soalan ini, analisis kajian adalah berpandukan kepada Halangan-Halangan Pelaksanaan MPV-LN seperti berikut: (a) Kurikulum MPV-LN, (b) Pelaksana (guru) MPV-LN, (c) Pentadbiran MPV-LN, (d) Modul Pembelajaran MPV-LN, (e) Murid MPV-LN, (f) Pentaksiran Kompetensi MPV-LN, (g) Kewangan MPV-LN, (h) Masa MPV-LN, (i) Penjadualan Waktu MPV-LN, dan (j) Halangan-Halangan Lain. Analisis aspek halangan-halangan pelaksanaan MPV-LN seperti dinyatakan di atas adalah berpandukan kepada Jadual 4.43 hingga Jadual 4.53. Dalam analisis setiap halangan pelaksanaan MPV-LN tersebut, persetujuan guru MPV-LN telah digunakan. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat skor yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 dalam Bab 3.

a) Kurikulum MPV-LN

Bahagian ini menganalisis kurikulum MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.43.

Jadual 4.43
Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kurikulum MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|--------------|---------------------------|--------------|--------------|------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Matlamat kurikulum MPV-LN yang hendak dicapai terlalu ideal (82) | 4.8 (2) | 33.3 (14) | 33.3 (14) | 26.2 (11) | 2.4 (1) | 2.88 | .94 |
| Matlamat kurikulum MPV-LN sukar difahami (81) | 23.8 (10) | 35.7 (15) | 16.7 (7) | 16.7 (7) | 7.1 (3) | 2.48 | 1.23 |
| Kandungan kurikulum MPV-LN terlalu luas (83) | 16.7 (7) | 54.8 (23) | 2.4 (1) | 26.2 (11) | - - | 2.38 | 1.06 |
| Objektif kurikulum MPV-LN yang hendak dicapai terlalu banyak (86) | 23.8 (10) | 42.9 (18) | 11.9 (5) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 2.33 | 1.12 |
| Kandungan kurikulum MPV-LN sukar difahami (84) | 14.3 (6) | 64.3 (27) | 11.9 (5) | 9.5 (4) | - - | 2.17 | .79 |
| Kandungan kurikulum MPV-LN terlalu teoritikal (85) | 21.4 (9) | 57.1 (24) | 9.5 (4) | 11.9 (5) | - - | 2.12 | .89 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.39 | 1.01 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.43 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan kurikulum MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan kurikulum MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah ialah 2.39 dan 1.01. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa kurikulum MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 82 menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti sama ada matlamat kurikulum MPV-LN yang hendak dicapai terlalu ideal (min = 2.88; SP = .94). Sisihan piawai untuk item 82 iaitu 0.94 menunjukkan persepsi guru terhadap item tersebut agak berbelah bahagi. Ketidakpastian ini wujud mungkin kerana program MPV-LN merupakan suatu program baharu dan guru MPV-LN juga masih kurang berpengalaman

dalam program ini. Seterusnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa matlamat kurikulum MPV-LN sukar difahami (item 81; min = 2.48; SP = 1.23). Guru MPV-LN juga tidak bersetuju bahawa kandungan kurikulum MPV-LN terlalu luas (item 83; min = 2.38; SP = 1.06). Responden juga tidak bersetuju bahawa objektif kurikulum MPV-LN yang hendak dicapai terlalu banyak (item 86; min = 2.33; SP = 1.12). Selain itu, guru MPV-LN juga tidak bersetuju bahawa kandungan kurikulum MPV-LN sukar difahami (item 84; min = 2.17; SP = 0.79) dan kandungan kurikulum MPV-LN terlalu teoritikal (item 85; min = 2.12; SP = 0.89). Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.43, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa kurikulum MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 2.39 berada di antara 1.81 – 2.60.

b) Pelaksana (Guru) MPV-LN

Bahagian ini menganalisis pelaksana (guru) MPV-LN sebagai penghalang proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.44.

Jadual 4.44

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Pelaksana MPV-LN (Guru MPV-LN)

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|--------------|--------------|-------------|--------------|-------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Bukan pengkhususan MPV-LN (92) | 16.7 (7) | 33.3 (14) | - - | 35.7 (15) | 14.3 (6) | 2.98 | 1.41 |
| Tidak mahir menggunakan peralatan mesin MPV-LN (94) | 28.6 (12) | 33.3 (14) | 14.3 (6) | 19.0 (8) | 4.8 (2) | 2.38 | 1.23 |
| Strategi pengajaran bermodul MPV-LN yang bukan kebiasaan (90) | 21.4 (9) | 47.6 (20) | 9.5 (4) | 21.4 (9) | - - | 2.31 | 1.05 |
| Tidak mahir menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (seperti simen, baja dan lain-lain) [95] | 33.3 (14) | 40.5 (17) | 4.8 (2) | 16.7 (7) | 4.8 (2) | 2.19 | 1.21 |

(Jadual 4.44, sambungan)

| | | | | | | | |
|---|--------------|---------------------------|-------------|-------------|------------|------|------|
| Tidak mahir mendapatkan maklumat daripada internet (91) | 19.0 (8) | 64.3 (27) | 7.1 (3) | 2.4 (1) | 7.1 (3) | 2.14 | 1.00 |
| Kurang menguasai isi kandungan modul pentaksiran MPV-LN (89) | 31.0 (13) | 50.0 (21) | 7.1 (3) | 11.9 (5) | - - | 2.00 | .94 |
| Kurang menguasai isi kandungan modul pembelajaran MPV-LN (88) | 33.3 (14) | 50.0 (21) | 2.4 (1) | 14.3 (6) | - - | 1.98 | .98 |
| Tidak mahir menggunakan peralatan tangan MPV-LN (93) | 35.7 (15) | 45.2 (19) | 7.1 (3) | 9.5 (4) | 2.4 (1) | 1.98 | 1.02 |
| Sukar menyesuaikan diri dengan kurikulum MPV-LN (87) | 38.1 (16) | 38.1 (16) | 19.0 (8) | 4.8 (2) | - - | 1.90 | .88 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.21 | 1.08 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.44 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi pelaksana MPV-LN (guru MPV-LN) dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi pelaksana MPV-LN (guru MPV-LN) ialah 2.21 dan 1.08. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa pelaksana MPV-LN (guru MPV-LN) menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 92 menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti dengan item berkaitan dengan MPV-LN bukan pengkhususan guru MPV-LN (min = 2.98; SP = 1.41). Sisihan piawai untuk item 92 agak tinggi (SP = 1.41) menunjukkan persepsi guru terhadap item tersebut agak berbelah bahagi.

Ketidakpastian guru MPV-LN terhadap item 92 wujud mungkin kerana guru MPV-LN telah mendapat latihan khusus dalam bidang LN secara informal walaupun MPV-LN bukan bidang pengkhususannya. Sementara itu, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa guru tidak mahir menggunakan peralatan mesin MPV-LN (item 94; min = 2.38; SP =

1.23). Guru MPV-LN juga tidak bersetuju bahawa strategi pengajaran bermodul MPV-LN yang bukan kebiasaan guru MPV-LN (item 90; min = 2.31; SP = 1.05) menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Di samping itu guru MPV-LN juga tidak bersetuju bahawa guru MPV-LN tidak mahir menggunakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (seperti simen, baja dan lain-lain) [item 95; min = 2.19; SP = 1.21]. Responden juga tidak bersetuju dengan item-item berikut, iaitu guru MPV-LN tidak mahir mendapatkan maklumat daripada internet (item 91; min = 2.14; SP = 1.00); guru MPV-LN kurang menguasai isi kandungan modul pentaksiran MPV-LN (item 89; min = 2.00; SP = .94); guru MPV-LN kurang menguasai isi kandungan modul pembelajaran MPV-LN (item 88; min = 1.98; SP = .98); guru MPV-LN tidak mahir menggunakan peralatan tangan MPV-LN (item 93; min = 1.98; SP = 1.02); dan guru MPV-LN sukar menyesuaikan diri dengan kurikulum MPV-LN (item 87; min = 1.90; SP = .88). Pada keseluruhannya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa dirinya sebagai pelaksana program MPV-LN merupakan faktor halangan dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 2.12 berada di antara 1.81 – 2.60.

c) Pentadbiran MPV-LN

Bahagian ini menganalisis pentadbiran MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.45.

Jadual 4.45
Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Pentadbiran MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|--------------|---------------------------|--------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Kerja pentadbiran (seperti pengurusan kelas dan lain-lain) yang banyak (96) | - (-) | 9.5 (4) | 2.4 (1) | 33.3 (14) | 54.8 (23) | 4.33 | .93 |
| Tugas rasmi (seperti pegawai sukan dan lain-lain) di luar sekolah yang banyak (98) | - (-) | 23.8 (10) | 11.9 (5) | 35.7 (15) | 28.6 (12) | 3.69 | 1.14 |
| Bilangan waktu mengajar yang banyak (97) | 11.9 (5) | 38.1 (16) | 9.5 (4) | 21.4 (9) | 19.0 (8) | 2.98 | 1.37 |
| Kurang sokongan pihak pentadbir sekolah (100) | 9.5 (4) | 47.6 (20) | 9.5 (4) | 33.3 (14) | - (-) | 2.67 | 1.05 |
| Kurang sokongan pihak pegawai pelajaran daerah/negeri (101) | 9.5 (4) | 47.6 (20) | 23.8 (10) | 19.0 (8) | - (-) | 2.52 | .92 |
| Kurang kerjasama rakan sejawat (99) | 23.8 (10) | 52.4 (22) | 11.9 (5) | 7.1 (3) | 4.8 (2) | 2.17 | 1.03 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.06 | 1.07 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.45 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi pentadbiran MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi pentadbiran MPV-LN ialah 3.06 dan 1.07. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada aspek pentadbiran MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.07$) menunjukkan persepsi guru terhadap pentadbiran MPV-LN sebagai halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 96 menunjukkan guru MPV-LN sangat bersetuju ($min = 4.33$; $SP = .93$) bahawa kerja

pentadbiran (seperti pengurusan kelas dan lain-lain) yang banyak menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Begitu juga item 98 menunjukkan guru MPV-LN sangat bersetuju (min = 3.69; SP = 1.14) bahawa tugas rasmi (seperti pegawai sukan dan lain-lain) di luar sekolah yang banyak juga menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Dalam pada itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada bilangan waktu mengajar yang banyak (item 97; min = 2.98; SP = 1.37) menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Ketidakpastian guru MPV-LN tentang item 97 tersebut wujud mungkin kerana perubahan jadual waktu sentiasa berlaku di sekolah. Responden juga tidak pasti sama ada kurang sokongan pihak pentadbir sekolah (item 100; min = 2.67; SP = 1.05) menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Ketidakpastian guru MPV-LN tentang item 100 tersebut wujud mungkin kerana perubahan yang biasa berlaku dalam pentadbiran sekolah mempengaruhi sokongan pentadbiran. Seterusnya, guru tidak bersetuju bahawa aspek kurang sokongan pihak pegawai pelajaran daerah/negeri (item 101; min = 2.52; SP = .92) dan aspek kurang kerjasama rakan sejawat (item 99; min = 2.17; SP = 1.03) menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Pada keseluruhannya, berdasarkan Jadual 4.45, guru MPV-LN tidak pasti sama ada pentadbiran MPV-LN menjadi faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 3.06 berada di antara 2.61 – 3.40.

d) Modul Pembelajaran MPV-LN

Bahagian ini menganalisis modul MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.46.

Jadual 4.46
Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Modul MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|--------------|---------------------------|-------------|--------------|------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Hanya satu kaedah ditunjukkan dalam modul pembelajaran MPV-LN untuk melakukan sesuatu aktiviti sedangkan ada pelbagai kaedah untuk menyelesaikannya (108) | 14.3 (6) | 31.0 (13) | 19.0 (8) | 26.2 (11) | 9.5 (4) | 2.86 | 1.24 |
| Kandungan modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk difahami oleh murid (102) | 11.9 (5) | 57.1 (24) | 9.5 (4) | 19.0 (8) | 2.4 (1) | 2.43 | 1.02 |
| Aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN mengambil masa yang lama untuk diselesaikan (106) | 21.4 (9) | 47.6 (20) | 11.9 (5) | 16.7 (7) | 2.4 (1) | 2.31 | 1.07 |
| Aktiviti yang terkandung dalam modul pembelajaran MPV-LN terlalu banyak (105) | 21.4 (9) | 52.4 (22) | 7.1 (3) | 19.0 (8) | - - | 2.24 | 1.01 |
| Aktiviti yang terkandung dalam modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk dilaksanakan (107) | 21.4 (9) | 61.9 (26) | 2.4 (1) | 7.1 (3) | 7.1 (3) | 2.17 | 1.08 |
| Panduan kerja untuk melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN tidak jelas (104) | 28.6 (12) | 45.2 (19) | 19.0 (8) | 7.1 (3) | - - | 2.05 | .88 |
| Kandungan modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk difahami oleh guru (103) | 31.0 (13) | 57.1 (24) | 2.4 (1) | 9.5 (4) | - - | 1.90 | .85 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.28 | 1.02 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.46 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi modul MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi modul MPV-LN ialah 2.28 dan 1.02. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa modul MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 108

menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti sama ada item tersebut iaitu hanya satu kaedah ditunjukkan dalam modul pembelajaran MPV-LN untuk melakukan sesuatu aktiviti sedangkan ada pelbagai kaedah untuk menyelesaikannya menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah (min = 2.86; SP = 1.24). Ketidakpastian guru MPV-LN tentang aspek tersebut (item 108) wujud mungkin kerana guru MPV-LN kurang pengetahuan mengenai kaedah-kaedah lain selain kaedah yang ditunjukkan dalam modul pembelajaran MPV-LN.

Dalam pada itu, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa kandungan modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk difahami oleh murid (item 102; min = 2.43; SP = 1.02). Begitu juga, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN mengambil masa yang lama untuk diselesaikan (item 106; min = 2.31; SP = 1.07). Seterusnya, responden juga tidak bersetuju dengan item-item berikut, iaitu aktiviti yang terkandung dalam modul pembelajaran MPV-LN terlalu banyak (item 105; min = 2.24; SP = 1.01); aktiviti yang terkandung dalam modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk dilaksanakan (item 107; min = 2.17; SP = 1.08); panduan kerja untuk melakukan aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN tidak jelas (item 104; min = 2.05; SP = .88); dan kandungan modul pembelajaran MPV-LN sukar untuk difahami oleh guru (item 103; min = 1.90; SP = .85). Kesimpulannya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa modul MPV-LN menjadi faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 2.39 berada di antara min 1.81 – 2.60.

e) Murid MPV-LN

Bahagian ini menganalisis murid MPV-LN sebagai penghalang proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.47.

Jadual 4.47
Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Murid MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|-------------|---------------------------|------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Murid MPV-LN menghadapi kesukaran untuk mengira (118) | - - | 7.1 (3) | 2.4 (1) | 50.0 (21) | 40.5 (17) | 4.24 | .82 |
| Motivasi murid MPV-LN rendah (119) | - - | 7.1 (3) | - - | 54.8 (23) | 38.1 (16) | 4.24 | .79 |
| Murid MPV-LN menghadapi kesukaran untuk membaca (116) | - - | 9.5 (4) | 9.5 (4) | 35.7 (15) | 45.2 (19) | 4.17 | .96 |
| Murid MPV-LN menghadapi kesukaran untuk menulis (117) | - - | 11.9 (5) | 4.8 (2) | 42.9 (18) | 40.5 (17) | 4.12 | .97 |
| Murid MPV-LN sering ponteng sekolah (110) | - - | 16.7 (7) | - - | 40.5 (17) | 42.9 (18) | 4.10 | 1.05 |
| Murid MPV-LN tidak bertanggungjawab terhadap bahan/peralatan MPV-LN (112) | - - | 16.7 (7) | 7.1 (3) | 47.6 (20) | 28.6 (12) | 3.88 | 1.02 |
| Murid MPV-LN lambat menyempurnakan aktiviti/projek (115) | 4.8 (2) | 21.4 (9) | - - | 42.9 (18) | 31.0 (13) | 3.74 | 1.25 |
| Murid MPV-LN tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan rakannya (114) | - - | 23.8 (10) | 7.1 (3) | 47.6 (20) | 21.4 (9) | 3.67 | 1.07 |
| Murid MPV-LN tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan diri (113) | - - | 31.0 (13) | 2.4 (1) | 47.6 (20) | 19.0 (8) | 3.55 | 1.13 |
| Murid MPV-LN kurang berminat dalam MPV-LN (109) | 11.9 (5) | 26.2 (11) | 2.4 (1) | 38.1 (16) | 21.4 (9) | 3.31 | 1.39 |
| Murid MPV-LN sering mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (111) | 4.8 (2) | 42.9 (18) | 4.8 (2) | 19.0 (8) | 28.6 (12) | 3.24 | 1.39 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.83 | 1.08 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.47 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan murid MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari

segi murid MPV-LN ialah 3.83 dan 1.08. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN bersetuju bahawa murid MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 118 menunjukkan guru MPV-LN sangat bersetuju (min = 4.24; SP = .82) bahawa murid MPV-LN menghadapi kesukaran untuk mengira. Begitu juga item 119 menunjukkan guru MPV-LN sangat bersetuju (min = 4.24; SP = .79) bahawa motivasi murid MPV-LN rendah. Sementara itu, guru MPV-LN bersetuju bahawa murid MPV-LN menghadapi kesukaran untuk membaca (item 116; min = 4.17; SP = .96) dan menghadapi kesukaran untuk menulis (item 117; min = 4.12; SP = .97). Selain itu, responden juga bersetuju bahawa murid MPV-LN sering ponteng sekolah (item 110; min = 4.10; SP = 1.05) serta tidak bertanggungjawab terhadap bahan/peralatan MPV-LN (item 112; min = 3.88; SP = 1.02).

Seterusnya, guru MPV-LN bersetuju bahawa murid MPV-LN lambat menyempurnakan aktiviti/projek (item 115; min = 3.74; SP = 1.25), tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan rakannya (item 114; min = 3.67; SP = 1.07) dan tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan diri (item 113; min = 3.55; SP = 1.13). Dalam pada itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada murid MPV-LN kurang berminat dalam MPV-LN (item 109; min = 3.31; SP = 1.39) serta sering mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN (item 111; min = 3.24; SP = 1.39). Sisihan piawai untuk kedua-dua item tersebut agak tinggi menunjukkan persepsi guru terhadap pentadbiran MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah agak berbelah bahagi. Ketidakpastian guru MPV-LN terhadap aspek minat murid (item 109) wujud mungkin kerana minat murid berubah mengikut aktiviti yang dilakukan. Begitu juga guru MPV-LN tidak pasti sama ada murid MPV-LN sering mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (item 111) mungkin kerana kumpulan murid yang mengikuti program MPV-LN berubah setiap tahun. Kesimpulannya, berdasarkan Jadual 4.47, guru MPV-LN bersetuju bahawa murid

MPV-LN merupakan suatu faktor halangan kepada proses pelaksanaan program MPV-LN memandangkan nilai min puratanya iaitu 3.83 berada di antara 3.41 – 4.20. Dapatan kajian menunjukkan kesukaran mengira, membaca, menulis, sering ponteng sekolah serta tahap motivasi yang rendah dalam kalangan murid MPV-LN merupakan beberapa masalah yang menyebabkan murid menjadi faktor halangan kepada proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

f) Pentaksiran Kompetensi MPV-LN

Bahagian ini menganalisis pentaksiran kompetensi MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.48.

Jadual 4.48

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Pentaksiran Kompetensi MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | SP |
|--|------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | |
| Proses pentaksiran MPV-LN memerlukan pengisian borang yang banyak (122) | 2.4 (1) | 19.0 (8) | 9.5 (4) | 42.9 (18) | 26.2 (11) | 3.71 | 1.13 |
| Pentaksiran murid MPV-LN secara individu mengambil masa yang panjang (121) | 7.1 (3) | 21.4 (9) | 14.3 (6) | 42.9 (18) | 14.3 (6) | 3.36 | 1.19 |
| Sistem 'fail' maklumat pentaksiran murid MPV-LN secara individu adalah rumit (123) | - - | 31.0 (13) | 23.8 (10) | 33.3 (14) | 11.9 (5) | 3.26 | 1.04 |
| Tiada kaedah khusus untuk melaksanakan pentaksiran MPV-LN (120) | 7.1 (3) | 52.4 (22) | 7.1 (3) | 23.8 (10) | 9.5 (4) | 2.76 | 1.19 |
| Panduan pentaksiran MPV-LN rumit (124) | 9.5 (4) | 45.2 (19) | 23.8 (10) | 16.7 (7) | 4.8 (2) | 2.62 | 1.03 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 3.14 | 1.12 |

| | | |
|------|-----|---------------------------|
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) |
| | TS | : Tidak Setuju (2) |
| | TP | : Tidak Pasti (3) |
| | S | : Setuju (4) |
| | SS | : Sangat Setuju (5) |
| | SP | : Sisihan Piawai |

Jadual 4.48 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan pentaksiran kompetensi MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi murid MPV-LN ialah 3.14 dan 1.12. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada pentaksiran kompetensi MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi ($SP = 1.12$) menunjukkan persepsi guru terhadap pentaksiran kompetensi MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah agak berbelah bahagi. Secara khususnya, item 122 menunjukkan guru MPV-LN bersetuju ($min = 3.71$; $SP = 1.13$) bahawa proses pentaksiran MPV-LN yang memerlukan pengisian borang yang banyak menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Sementara itu, guru MPV-LN tidak pasti sama ada pentaksiran murid MPV-LN secara individu mengambil masa yang panjang (item 121; $min = 3.36$; $SP = 1.19$). Guru MPV-LN juga tidak pasti sama ada sistem '*fail*' maklumat pentaksiran murid MPV-LN secara individu adalah rumit (item 123; $min = 3.26$; $SP = 1.04$). Ketidakpastian guru MPV-LN tentang aspek pengambilan masa pentaksiran kompetensi MPV-LN secara individu (item 121) serta aspek kerumitan sistem '*fail*' maklumat pentaksiran murid MPV-LN (item 123) wujud mungkin kerana ia bergantung kepada kebolehan murid MPV-LN serta jumlah murid MPV-LN yang ditaksir. Responden juga tidak pasti tentang aspek tiada masa khusus untuk melaksanakan pentaksiran MPV-LN (item 120; $min = 2.76$; $SP = 1.19$) dan aspek panduan pentaksiran MPV-LN tidak jelas (item 124; $min = 2.62$; $SP = 1.03$). Walau bagaimanapun, guru MPV-LN secara keseluruhannya tidak pasti sama ada pentaksiran kompetensi MPV-LN merupakan faktor halangan

kepada proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 3.14 berada di antara 2.61 – 3.40.

g) Kewangan MPV-LN

Bahagian ini menganalisis kewangan MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.49.

Jadual 4.49
Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Kewangan MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|--|-------------|---------------------------|-------------|--------------|--------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Peruntukan kewangan (PCG) untuk program MPV-LN adalah tidak mencukupi (125) | 4.8 (2) | 45.2 (19) | 9.5 (4) | 14.3 (6) | 26.2 (11) | 3.12 | 1.37 |
| Peruntukan kewangan (PCG) MPV-LN lambat sampai ke sekolah (126) | 4.8 (2) | 40.5 (17) | 21.4 (9) | 19.0 (8) | 14.3 (6) | 2.98 | 1.18 |
| Rekod baki kewangan (PCG) MPV-LN tidak dapat dirujuk dengan mudah (128) | 14.3 (6) | 31.0 (13) | 19.0 (8) | 26.2 (11) | 9.5 (4) | 2.86 | 1.24 |
| Permohonan sumber kewangan (PCG) untuk urusan pembelian bahan habis guna MPV-LN tidak mendapat kelulusan cepat (127) | 11.9 (5) | 42.9 (18) | 11.9 (5) | 23.8 (10) | 9.5 (4) | 2.76 | 1.23 |
| Kewangan (PCG) MPV-LN digunakan untuk urusan lain (bukan untuk MPV-LN) [129] | 14.3 (6) | 33.3 (14) | 21.4 (9) | 26.2 (11) | 4.8 (2) | 2.74 | 1.15 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.89 | 1.23 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.49 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan kewangan MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari

segi murid kewangan MPV-LN ialah 2.89 dan 1.23. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak pasti sama ada kewangan MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Sisihan piawai keseluruhan untuk bahagian ini agak tinggi (SP = 1.23) menunjukkan persepsi guru terhadap kewangan MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah agak berbelah bahagi. Guru MPV-LN tidak pasti sama ada peruntukan kewangan (PCG) untuk program MPV-LN adalah tidak mencukupi (item 125; min = 3.12; SP = 1.37). Responden juga tidak pasti sama ada peruntukan kewangan (PCG) lambat sampai ke sekolah (item 126; min = 2.98; SP = 1.18). Begitu juga, guru MPV-LN tidak pasti tentang item-item berikut, iaitu rekod baki kewangan (PCG) MPV-LN tidak dapat dirujuk dengan mudah (item 128; min = 2.86; SP = 1.24); permohonan sumber kewangan (PCG) untuk urusan pembelian bahan habis guna MPV-LN tidak mendapat kelulusan cepat (item 127; min = 2.76; SP = 1.23); dan kewangan (PCG) MPV-LN digunakan untuk urusan lain (bukan untuk MPV LN) [item 129; min = 2.74; SP = 1.15]. Guru MPV-LN tidak pasti tentang kesemua item tersebut mungkin kerana semua perkara berkaitan dengan kewangan diuruskan oleh kerani sekolah atau pihak pentadbir sekolah. Kesimpulannya, guru MPV-LN tidak pasti bahawa kewangan MPV-LN menjadi faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 2.89 berada di antara 2.61 – 3.40.

h) Masa MPV-LN

Bahagian ini menganalisis masa MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.50.

Jadual 4.50

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Masa MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (n) | | | | | | |
|---|-------------|---------------------------|-------------|-------------|------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Tidak cukup masa untuk murid MPV-LN mencapai tahap kompeten yang dikehendaki (132) | 2.4 (1) | 71.4 (30) | - - | 16.7 (7) | 9.5 (4) | 2.60 | 1.11 |
| Tidak cukup masa untuk mengajar sesuatu kemahiran MPV-LN (131) | 4.8 (2) | 69.0 (29) | 9.5 (4) | 9.5 (4) | 7.1 (3) | 2.45 | .99 |
| Tidak cukup masa untuk mengajar teori MPV-LN (130) | 16.7 (7) | 57.1 (24) | 11.9 (5) | 7.1 (3) | 7.1 (3) | 2.31 | 1.07 |
| Tidak cukup masa untuk membuat semua modul MPV-LN Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (133) | 11.9 (5) | 69.0 (29) | - - | 16.7 (7) | 2.4 (1) | 2.29 | .97 |
| Tidak cukup masa untuk membuat kerja amali MPV-LN (134) | 11.9 (5) | 71.4 (30) | 2.4 (1) | 11.9 (5) | 2.4 (1) | 2.21 | .90 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.37 | 1.01 |
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) | | | | | |
| | TS | : Tidak Setuju (2) | | | | | |
| | TP | : Tidak Pasti (3) | | | | | |
| | S | : Setuju (4) | | | | | |
| | SS | : Sangat Setuju (5) | | | | | |
| | SP | : Sisihan Piawai | | | | | |

Jadual 4.50 menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan masa MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan pelaksanaan MPV-LN dari segi masa MPV-LN ialah 2.37 dan 1.01. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa masa MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, guru MPV-LN tidak bersetuju dengan item 132 iaitu tidak cukup masa untuk murid MPV-LN mencapai tahap kompeten yang dikehendaki (min = 2.60; SP = 1.11). Responden juga tidak bersetuju dengan item-item lain seperti berikut, iaitu tidak cukup masa untuk mengajar sesuatu kemahiran MPV-LN (item 131; min = 2.45; SP = .99); tidak cukup masa untuk mengajar teori MPV-LN (item 130; min = 2.31; SP = 1.07); tidak cukup masa untuk membuat semua modul MPV-LN Tingkatan

4 dan Tingkatan 5 (item 133; min = 2.29; SP = .97); dan tidak cukup masa untuk membuat kerja amali MPV-LN (item 134; min = 2.21; SP = .90). Maka, berdasarkan pencapaian nilai purata minnya iaitu 2.37 (berada di antara 1.81 – 2.60), dapatlah disimpulkan bahawa guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa faktor masa merupakan salah satu faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN di sekolah.

i) Penjadualan Waktu MPV-LN

Bahagian ini menganalisis penjadualan waktu MPV-LN sebagai faktor halangan proses pelaksanaan MPV-LN. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.51.

Jadual 4.51

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Penjadualan Waktu MPV-LN

| Nama Item (nombor item dalam kurungan) | % (N) | | | | | | |
|---|--------------|--------------|-------------|--------------|------------|------|------|
| | STS | TS | TP | S | SS | Min | SP |
| Penjadualan waktu MPV-LN tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti amali MPV-LN (136) | 14.3 (6) | 47.6 (20) | 4.8 (2) | 23.8 (10) | 9.5 (4) | 2.67 | 1.26 |
| Penjadualan waktu MPV-LN menjejaskan saya mengajar mata pelajaran lain (137) | 16.7 (7) | 45.2 (19) | 14.3 (6) | 19.0 (8) | 4.8 (2) | 2.50 | 1.13 |
| Berlaku pertindihan jadual waktu untuk menggunakan bengkel MPV-LN. (135) | 23.8 (10) | 45.2 (19) | 9.5 (4) | 11.9 (5) | 9.5 (4) | 2.38 | 1.25 |
| Bilangan Guru : 42 | Purata : | | | | | 2.52 | 1.21 |

| | | |
|------|-----|---------------------------|
| Nota | STS | : Sangat Tidak Setuju (1) |
| | TS | : Tidak Setuju (2) |
| | TP | : Tidak Pasti (3) |
| | S | : Setuju (4) |
| | SS | : Sangat Setuju (5) |
| | SP | : Sisihan Piawai |

Jadual 4.51 pula menunjukkan dapatan nilai min dan sisihan piawai daripada guru MPV-LN yang menunjukkan persetujuan guru MPV-LN terhadap halangan penjadualan waktu MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara keseluruhannya, skor min purata dan sisihan piawai purata untuk aspek halangan

pelaksanaan MPV-LN dari segi penjadualan waktu MPV-LN ialah 2.52 dan 1.21. Min menunjukkan secara umumnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa penjadualan waktu MPV-LN menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Secara khususnya, item 136 menunjukkan guru MPV-LN tidak pasti sama ada penjadualan waktu MPV-LN tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti amali MPV-LN (min = 2.67; SP = 1.26). Sisihan piawai untuk item ini (136) agak tinggi (SP = 1.26) menunjukkan persepsi guru terhadap item ini agak berbelah bahagi. Ketidakpastian guru MPV-LN tentang item tersebut wujud mungkin kerana penjadualan waktu MPV-LN sering kali mengalami perubahan. Seterusnya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa penjadualan waktu MPV-LN menjejaskan guru MPV-LN mengajar mata pelajaran lain (item 137; min = 2.50; SP = 1.13). Responden juga tidak bersetuju bahawa berlaku pertindihan jadual waktu untuk menggunakan bengkel MPV-LN (item 135; min = 2.38; SP = 1.25). Pada keseluruhannya, guru MPV-LN tidak bersetuju bahawa penjadualan waktu MPV-LN menjadi salah satu faktor halangan proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah memandangkan nilai min puratanya iaitu 2.52 berada di antara 1.81 – 2.60.

j) Halangan-Halangan Lain

Bahagian ini menganalisis halangan-halangan lain pelaksanaan MPV-LN berdasarkan soalan terbuka dalam borang soal selidik guru. Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.52.

Jadual 4.52

Persepsi Guru MPV-LN terhadap - Halangan-Halangan Lain

| Halangan-Halangan Lain | Peratus (n) |
|--|----------------|
| Tiada waktu pengurusan bengkel MPV-LN | 21.0 (4) |
| Guru bukan beropsyen MPV-LN | 15.7 (3) |
| Masalah pembantu bengkel MPV-LN (malas, tiada pengalaman, buangan sekolah lain) | 15.7 (3) |
| Gangguan pelajar-pelajar bukan MPV-LN (merosakkan pokok hiasan, mengganggu pelajar MPV semasa pentaksiran) | 10.5 (2) |
| Kerja bertulis banyak | 10.5 (2) |
| PCG tidak dipecahkan kalau sekolah ada dua subjek MPV | 5.3 (1) |
| Perubahan harga barang menjejaskan bajet | 5.3 (1) |
| Risiko kemalangan yang tinggi | 5.3 (1) |
| Tiada perlindungan insurans | 5.3 (1) |
| Waktu mengajar yang melebihi 24 waktu | 5.3 (1) |

Berdasarkan Jadual 4.52, ketiadaan waktu pengurusan bengkel MPV-LN merupakan suatu halangan kepada proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah (21%). Guru bukan beropsyen MPV-LN (15.7%); masalah pembantu bengkel MPV-LN (malas, tiada pengalaman, buangan sekolah lain) [15.7%], gangguan pelajar-pelajar bukan MPV-LN (merosakkan pokok hiasan, mengganggu pelajar MPV semasa pentaksiran) [10.5%] serta kerja bertulis yang banyak (10.5%) juga merupakan halangan-halangan kepada proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Halangan-halangan lain ialah PCG tidak dipecahkan kalau sekolah ada dua subjek MPV (5.3%), perubahan harga barang menjejaskan bajet (5.3%), risiko kemalangan yang tinggi (5.3%), tiada perlindungan insurans (5.3%) dan waktu mengajar yang melebihi 24 waktu (5.3%). Pada amnya, didapati guru-guru MPV-LN tiada waktu khusus untuk menguruskan bengkel MPV-LN. Guru bukan beropsyen MPV-LN merupakan penghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah kerana ia kekurangan pengetahuan dan

kemahiran dalam MPV-LN. Masalah pembantu bengkel MPV-LN yang tiada pengalaman dan malas juga menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

Faktor Halangan Pelaksanaan MPV-LN Utama

Halangan-halangan pelaksanaan bagi guru MPV-LN dalam melaksanakan program MPV-LN di sekolah yang dikaji ialah Kurikulum MPV-LN, Pelaksana (Guru) MPV-LN, Pentadbiran MPV-LN, Modul MPV-LN, Murid MPV-LN, Pentaksiran Kompetensi MPV-LN, Kewangan MPV-LN, Masa MPV-LN dan Penjadualan Waktu MPV-LN.

Setelah menganalisis setiap halangan yang tersebut di atas, bahagian ini menganalisis faktor halangan utama yang menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah untuk menjawab soalan kajian ketujuh iaitu, Apakah faktor halangan utama yang menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah? Analisis kajian adalah berpandukan kepada Jadual 4.53.

Jadual 4.53
Faktor Utama yang Menghalang Proses Pelaksanaan Program MPV-LN di Peringkat Sekolah MPV-LN

| Halangan-Halangan Pelaksanaan MPV-LN | Min Purata | Sisihan Piawai Purata |
|--------------------------------------|------------|-----------------------|
| Murid MPV-LN | 3.83 | 1.08 |
| Pentaksiran Kompetensi MPV-LN | 3.14 | 1.12 |
| Pentadbiran MPV-LN | 3.06 | 1.07 |
| Kewangan MPV-LN | 2.89 | 1.23 |
| Penjadualan Waktu MPV-LN | 2.52 | 1.21 |
| Kurikulum MPV-LN | 2.39 | 1.01 |
| Masa MPV-LN | 2.37 | 1.01 |
| Modul MPV-LN | 2.28 | 1.02 |
| Guru MPV-LN | 2.21 | 1.08 |

Kesimpulannya, guru MPV-LN bersetuju bahawa faktor murid MPV-LN menjadi faktor halangan utama proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah MPV-LN kerana berdasarkan Jadual 4.53, nilai min puratanya adalah yang tertinggi iaitu 3.83.

4.6 Penilaian Produk

Dapatan deskriptif pada bahagian ini difokuskan bagi menjawab soalan kajian 8.

Dapatan kajian dilaporkan dengan membincangkan hasil temu bual dengan murid lepasan program MPV-LN.

Soalan Kajian 8

Bagaimanakah program MPV-LN yang telah diikuti membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka?

Fokus soalan ini ialah untuk menilai bagaimana program MPV-LN membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka setelah menamatkan program MPV-LN di sekolah menengah. Untuk menjawab soalan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan. Analisis data temu bual dengan lima orang murid lepasan program MPV-LN (dinamakan BM1, BM2, BM3, BM4 dan BM5) menerangkan bagaimana program MPV-LN membantu menjalani kehidupan mereka dan masalah yang dihadapi oleh mereka semasa mengikuti program MPV-LN di sekolah, serta cadangan mereka dibentangkan seperti berikut:

Murid Lepas Program MPV-LN 1 (BM1)

Murid lepasan program MPV-LN pertama (BM1), seorang lelaki, berumur dua puluh tahun dan telah mengikuti program MPV-LN pada tahun 2004. Selepas Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), BM1 tidak melanjutkan pelajaran kerana malas dan bekerja sebagai kerani *despatch* selama setahun di Kuala Lumpur. Kini, BM1 sedang menjalankan perniagaan sayur-sayuran (seperti cendawan, serai dan cili padi). BM1 berkongsi perniagaan dengan abangnya. Mereka mempunyai lima buah kebun dengan keluasan sebuah kebun lebih kurang dua setengah ekar. Ada seramai tujuh belas orang pekerja dalam kebun mereka.

BM1 menyatakan bahawa kegiatan menanam sayur-sayuran ada kaitan dengan program MPV-LN yang telah diikutinya di sekolah. Ilmu yang telah diperoleh dalam program MPV-LN membantunya menjalankan kegiatannya menanam sayur-sayuran. Menurutnya, *“kita belajar macam mana cara-cara nak tanam walaupun dia berlainan, nisbah tanah dia, struktur tanah dia macam mana, daripada sekolah dulu. Kita belajar macam mana, penjagaan dia (pokok), landskap... campuran tanah, jenis baja untuk sesuatu tanam daripada anak benih, macam mana jadikannya kepada pokok besar... pembiakan tut, macam-macam lah”* (TBBM1, baris 36,42,68). Selain cara menanam, penjagaan serta membuat tut, program MPV-LN juga membolehkan BM1 *“memahami peralatan-peralatan yang perlu digunakan”* (TBM1, baris 145). Ilmu yang diperoleh oleh BM1 dalam program MPV-LN membuatnya lebih yakin menjalankan kegiatan yang sedang dilakukannya. BM1 menjelaskan, *“ Saya, apa yang saya belajar dulu, sekarang, apa yang saya buat sekarang, cara-cara dia, nisbah dia (nisbah campuran tanah) dapat saya gunakan, jadi saya yakinlah.”* (TBBM1, baris 79).

BM1 yang sedang membuat perniagaan menanam dan menjual sayur-sayuran ada rancangan untuk membuka nurseri pada masa depan tetapi tidak yakin untuk

berbuat demikian sekarang kerana tidak cukup ilmu. BM1 menjelaskan, *“Saya suka berniaga, tapi tak yakinlah (buka nurseri). Maklumat yang ada (ilmu tentang nurseri) yang ada ini tak banyak kan”* (TBBM1, baris 115). Dia menjelaskan lagi, *“Masih tak cukup (ilmu) sebab kita nak buat macam-macam, nak belajar. Walaupun satu jenis pokok sehari, kita nak tahu dari akar hingga hujung, ke pucuk dia kan. Macam mana, dia boleh, kita nak hidupan dia daripada kecil, kita nak jaga dia, tempat kawasan dia macam mana, siraman, baja”* (TBBM1, baris 91). Oleh itu, BM1 ingin, *“Belajar (tentang nurseri) dengan orang lain, yang lebih tinggilah, yang lebih pandai”* (TBBM1, baris 56). BM1 mendakwa bahawa kemahiran yang dimilikinya hanyalah sedikit. Dia berkata, *“Saya dulu sekadar teori saja untuk membuat tut. .. Tak ada kemahiran, sikit-sikit adalah”* (TBBM1, baris 101).

Murid Lepas Program MPV-LN 2 (BM2)

Murid lepasan program MPV-LN kedua yang ditemu bual ialah BM2. BM2, seorang lelaki, juga berumur dua puluh tahun dan telah mengikuti program MPV-LN pada tahun 2004. Selepas SPM, BM2 tidak tahu hendak buat apa. Oleh itu, ia mengikut sepupunya bekerja di kafeteria di Putrajaya kerana berminat dalam bidang masakan. Seterusnya, dia telah mengikuti suatu kursus pendek iaitu kursus pengurusan hotel di Kolej KDU selama 6 bulan termasuk praktikal. Kursus ini dianjurkan secara percuma oleh Kementerian Sumber dan Pembangunan Manusia. Setelah berjaya mendapat sijil kursus pengurusan hotel, BM2 kini membantu emaknya menjalankan perniagaan katering untuk pelbagai majlis seperti kenduri kahwin.

Menurut BM2, program MPV-LN yang telah diikutinya membantunya menjalankan kegiatan kateringnya, dari segi perhiasan. Beliau menjelaskan, *“Kenduri kahwin, kita nak ada bunga-bunga, tak semestinya bunga hidup-hidup, bunga*

plastik pun boleh juga. Tapi landskap, perhiasan juga. Memang adalah, ada, membantu jugalah LN (landskap dan nurseri) kan” (TBBM2, baris 284). Ilmu yang diperoleh daripada program MPV-LN juga membantu BM2 membuat praktikal (kursus pengurusan hotel) di hotel. BM2 menjelaskan, “Dia orang (pihak hotel) pakai saya kerana saya ada belajar landskap dulu... Membantu juga. Ada kena mengena. Landskap, kalau dalam hotel, ah, kadang-kadang dalam decoration kan, ada pokok-pokok. Memang dia orang ada garden, kadang-kadang kita pun tengok juga, betul ke dia orang buat. Like macam decoration, daun-daun untuk hiasan, kita pakai ambil daun-daun dekat hutan, cut-cut and then ikat...kreativiti kita itu ada kita tunjuk...” (TBBM2, baris 230, 232).

BM2 yang sedang membantu emaknya menjalankan perniagaan catering merancang “*nak sambung belajar lagi*” (TBBM2, baris 276) untuk menambahkan pengetahuannya. Menurut BM2, dia tidak ada rancangan untuk berniaga buat masa ini kerana tidak yakin. Perkara ini dijelaskan olehnya, “*Rasanya tak yakinlah. Ilmu tak cukup kan. Kita belajar dulu tak cukup. Tak cukup masa macam saya kata tadi. Praktikal kena banyak lagi. Saya perlu belajar lagi*” (TBBM2, baris 300).

Murid Lulusan Program MPV-LN 3 (BM3)

BM3 iaitu murid lulusan program MPV-LN ketiga, seorang perempuan yang berumur dua puluh tahun telah mengikuti program MPV-LN pada tahun 2004. Selepas SPM, BM3 melanjutkan pelajaran di Kolej Cosmopoint dalam bidang Grafik berkomputer. Kursus diploma ini ialah kursus sepenuh masa dan tempoh masanya ialah dua setengah tahun. Selain landskap, BM3 juga ingin belajar bidang lain supaya BM3 ada pilihan lain selain landskap. Oleh itu, BM3 memilih Grafik berkomputer untuk menjadi pereka grafik kerana ilmu yang diperoleh dalam landskap boleh membantu menjadi seorang

pereka grafik. BM3 menjelaskan, “... *satu grafik designer, satu lagi landskap...Mungkin buat landskap atau grafik designer sebab kalau kita buat landskap, kita boleh ini juga kan, grafik designer. Grafik designer bukan ada pejabat. Kita cuma, macam apa kata, sendirilah*” (TBBM3, baris 319).

BM3 mengakui bahawa program MPV-LN yang telah diikutinya di sekolah membolehkannya memahami perkara asas dalam kursus yang diikutinya sekarang. BM3 menjelaskan, “*basic itu semua adalah. Contohnya, buat pelan*” (TBBM3, baris 379). Menurut BM3, ilmu yang diperoleh dalam program MPV-LN boleh digunakannya untuk membuat projek akhir dalam kursus yang diikutinya sekarang. Perkara ini dijelaskan oleh BM3, “*Mungkin nak buat last projek saya, mungkin saya boleh guna landskaplah dalam itu...contohnya, macam projek, kita orang promosikan. Lepas itu buat laman web untuk mudah orang kenal landskap yang saya buat. Macam itulah.*” (TBBM3, baris 393).

BM3 yang sedang mengikuti kursus Grafik Berkomputer di Kolej Cosmopoint ingin menjadi Pereka Grafik. BM3 juga, seperti BM1 dan BM3 tidak bersedia untuk membuat perniagaan nurseri kerana pengetahuan yang di peroleh di peringkat sekolah tidak mencukupi dan perlu belajar lagi. BM3 menjelaskan, “*Buka nurseri itu, belum cukup lagi. Kena belajar lagilah sebab banyak lagi kan dia punya cabang dia. Kalau buka nurseri, mungkin kena lagi belajar sampai diploma kan sebab dia pun banyak lagi kan kita nak belajar. Kita belajar pun cuma setakat itu saja, sekolah. Dekat sekolah pun, baru sikit, belum banyak lagi sebab saya tanya kawan saya yang ambil landskap (di kolej komuniti) pun, dia cakap memang banyak benda yang dia buat.*” (TBBM3, baris 425).

Murid Lepas Program MPV-LN 4 (BM4)

Murid lepasan program MPV-LN yang keempat di temu bual ialah BM4, seorang perempuan berumur dua puluh tahun. BM4 ialah seorang murid MPV-LN tahun 2004. Selepas SPM, BM4 melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti di Alor Gajah. Di kolej tersebut BM4 telah mengikuti kursus landskap selama dua tahun. BM4 telah berjaya menamatkan kursus tersebut dan ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang landskap di peringkat diploma. Sementara itu, BM4 sedang membuat kerja sementara di kedai fotostat.

BM4 mengaku berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang landskap di Kolej Komuniti kerana dia telah belajar MPV-LN di sekolah. Perkara ini dijelaskan oleh BM4, *“Ah (berminat), sebab saya belajar landskap dekat sekolah. Lepas itu saya rasa belajar dalam landskaplah, sebab dekat sekolah dah mula belajarkan”* (TBBM4, baris 492). Program MPV-LN yang telah diikutinya di sekolah memudahkan BM4 mengikuti kursus di kolej komuniti. BM4 menjelaskan, *“Senang jugalah sebab dekat sekolah saya sudah belajar, kolej pun saya belajar tentang benda itu juga”* (TBBM4, baris 510). Tetapi, di kolej komuniti, BM4 belajar lebih dalam lagi tentang landskap dan nurseri. Menurutnya, *“..dekat sekolah dulu, saya belajar tentang nurserilah, tentang pembiakan semua. Lepas itu, dekat situ (Kolej Komuniti), saya belajar lebih dalam lagi. Macam wakaf, kita buat wakaf, kita belajar secara detail”* (TBBM4, baris 518).

BM4 yang sudah menamatkan kursus landskap di Kolej Komuniti di peringkat sijil merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang landskap di peringkat diploma. Kemudian, dia merancang untuk bekerja dalam bidang landskap juga. BM4 juga tidak yakin untuk menjalankan perniagaan buat masa ini. Dia menjelaskan, *“Perniagaan itu buat masa ini belum ada lagilah sebab saya kurang yakin dalam perniagaan”* (TBBM4, baris 476). BM4 kurang yakin kerana pengetahuan yang

diperolehnya di sekolah tidak cukup. BM4 berkata, *“Rasanya..tak cukup lagi sebab masa itu kita dekat sekolah, kita belajar juga dalam bidang keusahawanan tetapi belajar secara tersembunyilah. Cara amalinya atau cara kemahiran itu saya belum ada lagi.. perlukan lebih banyak praktikal”* (TBBM4, baris 484, 488). Menurut BM4, sekiranya hendak berniaga, perlu belajar lagi kerana katanya, *“Saya rasa belum cukup lagi. Kena sambung lagi. Kalau nak buka perniagaan, kena sambung belajar lagilah”* (TBBM4, baris 528).

Murid Lepas Program MPV-LN 5 (BM5)

Murid lepasan program MPV-LN yang kelima ialah BM5. Murid ini seorang lelaki yang berumur dua puluh tahun dan merupakan murid program MPV-LN tahun 2004. Selepas SPM, BM5 kerja di stesen minyak buat sementara. Selepas itu, dia kerja di kilang tayar selama dua tahun. Dia tidak dapat melanjutkan pelajaran kerana masalah kewangan. Kini, BM5 bekerja sebagai Pekerja Am di sebuah syarikat swasta yang terlibat dalam kegiatan pembersihan. Aktiviti kerja hariannya ialah mengutip sampah di kawasan perumahan. Kerja ini bertaraf kontrak dan BM5 menganggap kerja ini sebagai suatu kerja sementara sahaja sehingga dia mendapat suatu kerja yang lebih terjamin. Walaupun, pekerjaan yang dilakukannya sekarang tidak berkaitan dengan apa yang dipelajarinya dalam program MPV-LN di sekolah, tetapi BM5 berpendapat bahawa pengetahuan yang diperolehnya dalam program MPV-LN akan membolehkannya memperoleh pekerjaan yang lebih baik dan menjamin masa depannya di Unit Nurseri, Majlis Perbandaran Seremban. Perkara ini dijelaskan oleh BM5, *“Sebab Majlis Perbandaran Seremban ini ada nurseri, taman, pokok bunga semua kan. Lepas itu, saya mintalah kerja. Boleh saya buat”* (TBBM5, baris 627).

Dalam pada itu, BM5 juga tidak yakin untuk berniaga kerana ia berpendapat bahawa apa yang dipelajari di sekolah tidak mencukupi. Perkara ini dijelaskan oleh BM5 seperti berikut: *“Sebab belajar tak cukup sangat dalam MPV sebab MPV, ada masa nak belajar lain kan, pelajaran lain kan. Tak cukuplah masa”* (TBBM5, baris 743). BM5 juga berpendapat bahawa ia belum ada pengalaman untuk berniaga. Katanya, *“Kalau nak buat perniagaan sendiri, tak boleh sebab pengalaman apa lagi (belum ada) kan”* (TBBM5, baris 749). Oleh itu, BM5 merancang untuk mendapatkan pekerjaan yang menjamin masa depannya. Pekerjaan yang dicarinya tidak semestinya dalam bidang landskap dan nurseri, asalkan pekerjaan itu menjamin masa depannya. Dia menjelaskan, *“Tak kisahlah. Yang menjamin masa depan kan”* (TBBM5, baris 649).

Maka, dapatlah disimpulkan di sini bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh murid-murid lepasan program MPV-LN ini di sekolah menengah membantu kehidupan mereka, baik dalam kegiatan yang sedang dilakukan mahupun dalam mencari peluang pekerjaan yang lebih baik ataupun dalam melanjutkan pelajaran mereka. Namun begitu, didapati kesemua murid lepasan program MPV-LN yang ditemu bual tidak yakin untuk berniaga kerana mereka berpendapat bahawa mereka tiada pengalaman perniagaan dan apa yang dipelajari dalam program MPV-LN di sekolah tidak mencukupi untuk membolehkan mereka berniaga.

Masalah Murid Lepas Program MPV-LN

Hasil temu bual dengan lima orang murid lepasan program MPV-LN dinamakan BM1, BM2, BM3, BM4 dan BM5 menunjukkan bahawa mereka telah menghadapi beberapa masalah semasa mengikuti program MPV-LN di sekolah seperti berikut:

a) Kekurangan Masa

Kekurangan masa merupakan suatu masalah yang dihadapi oleh murid lepasan program MPV-LN. Dua belas waktu seminggu dikatakan tidak mencukupi. Misalnya, kata BM1, *“Masih tak cukup sebab kita nak buat macam-macam, nak belajar. Walaupun satu jenis pokok sehari, kita nak tahu dari akar hingga hujung, ke pucuk dia kan. Macam mana, dia boleh, kita nak hidupkan dia daripada kecil, kita nak jaga dia, tempat kawasan dia macam mana, siraman, baja”* (TBBM1, baris 91). Oleh sebab masa adalah terhad, maka maklumat yang diperolehi di sekolah tidaklah banyak seperti kata BM1, *“Sebab masa tak cukup. Sekadar buat simen fero sajalah, kerusi, meja, papan tanda”* (TBBM1, baris 91). BM4 mendakwa, *“belum ada kemahiran”* (TBBM4, baris 504).

b) Kekurangan Peralatan dan Bahan

Satu lagi masalah yang dikemukakan ialah masalah kekurangan peralatan dan bahan supaya semua murid dapat melakukan setiap aktiviti. Perkara ini dijelaskan oleh BM1, *“Kemudahan pun kena sediakan setiap seorang, yang lengkap, seperti pliers. Tanah, baja pun kena cukup untuk kita pelajari kan. Satu kelas bukan sikit kan, ramai. Jadi, kita nak belajar itu, kita nak cuba semua yang kita buat walaupun dia satu pokok. Walaupun dia satu pokok, kita nak belajar cara nak campur tanah”* (TBBM1, baris 95).

c) Murid MPV-LN dipandang Rendah

Murid MPV-LN juga dipandang rendah dan diejek oleh murid-murid lain. Perkara ini dijelaskan oleh BM2, *“Bila kita jauh daripada kelas, dekat dengan bengkel, and then*

kelas-kelas, yang kawan-kawan yang lain semua jauh. Kita lalu saja, mahu pergi, kita mana-mana, orang semua pandang, ini landskap punya, bancuh simen..buruh-buruh, dia orang ejek buruh-buruh, buruh binaan. Mental oh!, mental juga...macam saya punya ada terasa juga kan, mula-mula kena tolak kereta sorong” (TBBM2, baris 262).

Cadangan Murid Lepas Program MPV-LN

Hasil temu bual dengan lima orang murid lepasan program MPV-LN dinamakan BM1, BM2, BM3, BM4 dan BM5 menunjukkan bahawa mereka telah menghadapi beberapa masalah semasa mengikuti program MPV-LN di sekolah seperti berikut:

a) Menambahkan Aktiviti Praktikal

Salah satu cadangan untuk menambah baik program MPV-LN ialah menambahkan aktiviti praktikal seperti kata BM2, *“Kalau boleh, waktu sekolah, dia lebih banyakkkan praktikal”* (TBBM2, baris 288). Oleh itu, dicadangkan MPV-LN dimulakan di sekolah rendah dan kemudian disambung lagi di sekolah menengah seperti kata BM5, *“Dah ada sekolah rendah, sekolah menengah boleh belajar, kita sambung lagi. Selepas itu, dah habis sekolah menengah, kita boleh sambung lagi”* (TBBM5, baris 739).

b) Mengadakan Lawatan

Pihak sekolah harus membawa murid MPV- LN melawat tempat-tempat yang ada landskap dan nurseri supaya dapat mempelajari perkara-perkara baharu. Misalnya, kata BM4, *“Ah, pergi lawatan, supaya, kalau kita belajar dekat sekolah saja, tak tahu benda*

baru. Macam tempat landskap, macam nurseri ke, tempat-tempat landskap, macam dekat Shah Alam” (TBBM4, baris 536).

c) Pemilihan Murid MPV-LN yang Berminat Sahaja

Satu lagi cadangan ialah pihak sekolah perlu memilih murid yang ada minat dalam MPV-LN dan bukan memaksa murid-murid yang berada di kelas hujung mengambilnya. Perkara ini dijelaskan oleh BM2, *“Bukan disebabkan kita tak pandai, kita duduk di kelas hujung, terpaksa. Macam itu tak syoklah kan. Itulah tak minat ini. That’s why, dia orang-orang ini tak minat. Masuk, ah, ini kelas untuk main-main saja. Pergi bengkel main-main. Cikgu lemah. Kadang-kadang, ada yang tak masuk pun. Untuk LN, tanya betul-betul. Minat tak?...betul-betul minat belajar, kita masuk”* (TBBM2, baris 250).

d) Pembelajaran MPV-LN yang Menyeluruh

Cadangan seterusnya ialah aspek landskap yang diajar haruslah lebih menyeluruh dan tidak hanya berfokus kepada sesuatu aktiviti sahaja. Misalnya, kata BM1, *“Dari segi landskap pula, buat sekadar buat simen fero sahaja. Dia, landskap ini pelbagai, untuk menghiasi rumah, dia kena pelajarilah sikit”* (TBBM1, baris 101).

Maka, dapat dirumuskan di sini bahawa murid lepasan program MPV-LN mendapati masa dua belas waktu tidak mencukupi dan peralatan serta bahan yang mencukupi untuk setiap orang murid perlu disediakan. Aktiviti amali MPV-LN perlu ditambahkan supaya murid MPV-LN mempunyai lebih banyak maklumat dan lebih mahir. Dicadangkan hanya murid yang berminat sahaja dipilih untuk memasuki program MPV-LN dan mereka dibawa melawat tempat-tempat yang ada landskap dan

nursery untuk mengetahui maklumat terkini. Di samping itu, pengajaran landskap haruslah lebih menyeluruh dan tidak hanya berfokus kepada sesuatu aktiviti sahaja.